

Jilid I
Bil. 90



Hari Khamis
28hb November, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 14707]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1992

Jawatankuasa—

Jadual—

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12 dan
B.13 [Ruangan 14746]**

USUL:

Anggaran Pembangunan 1992

Jawatankuasa—

Maksud P.7 dan P.8 [Ruangan 14746]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATO' AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala
Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

„ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO'
SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

„ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

„ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N., S.M.J. (Kota Tinggi).

„ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

„ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

„ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).

„ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY, J.M.N. (Silam).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN S. S. SUBRAMANIAM, J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- „ DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- „ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).

- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.S.I.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).

Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K (Bagan Serai).

- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MURI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Taijadin bin Saberan.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 28hb November, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

JETI PANGKOR

1. Datin Ling Chooi Sieng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau tahu sebahagian jeti Pangkor telah runtuh. Kalau ya, bilakah kerja untuk membaiki jeti itu akan dimulakan. Bilakah jeti itu dibina dan oleh siapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan di sini bahawa jeti di Pulau Pangkor sebenarnya tidaklah runtuh dan ianya masih beroperasi. Apa yang berlaku ialah terdapat sedikit kerosakan kepada salah satu daripada cerucuk pandu bagi pontoon konkrit di jeti tersebut. Pontoon konkrit tersebut telah ditarik keluar untuk dibaiki. Sementara itu, walau dengan ketiadaan pontoon di Jeti Pulau Pangkor ini ianya tidak akan menggendalakan operasi harian feri-feri oleh kerana jeti tetap yang sedia ada adalah mencukupi. Jeti di Pulau Pangkor ini telah dibina oleh Syarikat Kemasik Sdn. Bhd. bermula pada 5.7.88 dan telah siap sepenuhnya pada 23.11.89.

**GURU TERLATIH DI SEKOLAH
RENDAH/MENENGAH—
KEKURANGAN**

2. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pendidikan menyatakan di setiap negeri masing-masing:

- (a) bilangan kekurangan guru terlatih di sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil;
- (b) bilangan kekurangan guru terlatih di sekolah menengah dan sekolah menengah (SUWA); dan
- (c) benarkah masalah kekurangan guru terlatih dapat diatasi menjelang tahun 1992, khususnya di negeri Perak yang dijaminakan oleh Timbalan Menteri baru-baru ini.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) & (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kekurangan guru terlatih di sekolah rendah dan menengah pada 1hb November, 1991 mengikut Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:

	SK/SRK	SRJK(C)	SRJK(T)	SM
Semenanjung Malaysia	4,745	3,329	2,018	4,501
Sabah/ Sarawak	2,101	1,235	—	1,398

Bilangan kekurangan guru di sekolah-sekolah swasta adalah di bawah urusan sekolah-sekolah berkenaan.

- (c) Sebenarnya memanglah Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara amnya dan di Perak khususnya. Usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan dalam mengatasi masalah ini adalah bergantung kepada keperluan pendidikan, kemampuan institusi latihan perguruan dan juga peruntukan yang diberi kepada Kementerian Pendidikan. Namun demikian, Kementerian Pendidikan sedang dan akan mengambil segala tindakan yang diperlukan untuk mengurangkan dan akhirnya mengatasi masalah kekurangan guru terlatih di seluruh negara, termasuk negeri Perak.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah benar bahawa masalah kekurangan guru terlatih di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina adalah mengenai kekurangan guru-guru yang tidak fasih dalam bahasa Tionghua? Walaupun mereka terlatih, tetapi tidak begitu fasih dalam bahasa Tionghua. Ini satu masalah yang unik kepada kawasan saya di Bandar Kuching.

Keduanya, Kementerian Pendidikan selalu menyatakan bahawa syarat-syarat akan dilonggarkan untuk mengambil masuk calon-calon ke maktab perguruan supaya mereka yang fasih dalam bahasa Tionghua boleh diambil masuk ke maktab tersebut supaya mereka boleh dilatih menjadi guru-guru untuk mengatasi masalah ini, tetapi apakah pencapaian sudah dicapai dalam perlonggaran syarat-syarat pengambilan ini ke maktab perguruan?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseluruhannya pada setiap tahun kita ada cukup calon yang mempunyai kelayakan yang minimum, iaitu kredit dalam bahasa Cina, kredit dalam Bahasa Malaysia dan 3 kredit yang lain itu untuk masuk ke aliran pengajian bahasa Cina untuk negara kita. Sebatiknya setiap tahun kita ada lebih ramai calon daripada aliran itu dan kita haruslah pilih daripada mereka yang mempunyai kelayakan yang lebih daripada minimum.

Mengenai masalah khusus yang dihadapi oleh guru-guru aliran Cina di Sarawak, sebenarnya pada tahun ini kita ada cukup calon-calon tersebut. Kita telah juga menambah calon-calon yang memasuki ke maktab perguruan untuk mengikuti aliran bahasa Cina di negeri Sarawak. Ini telah ditambah dari dua aliran kepada tiga aliran pada tahun ini dan dua aliran yang mengikuti kursus dalam cuti di negeri Sarawak. Dengan itu kita yakin bahawa kita boleh mengurangkan masalah kekurangan guru SRJK(C) di negeri Sarawak juga.

Berkaitan dengan kelonggaran dari segi kelonggaran untuk bahasa Cina, memang Kementerian Pendidikan rasa bahawa satu kredit dalam bahasa Cina itu adalah kelayakan yang minimum yang calon tersebut haruslah mempunyai sebelum kita menerima mereka masuk. Saya ingin menerangkan bahawa kita ada cukup calon yang mempunyai kelayakan itu, jadi kelonggaran itu tidak timbul.

Dato' Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada masa akan datang sudah tentu bilangan murid akan bertambah. Adakah Kerajaan mengambilkira ataupun bercadang untuk memastikan bilangan guru itu sentiasa cukup dengan bilangan pelajar dengan berdasarkan kepada bilangan kelahiran di tiap-tiap tahun?

Yang kedua, Kementerian juga selalu menjawab bahawa sebab kekurangan guru ini ialah kerana kekurangan maktab perguruan. Jadi, saya ingin tahu berapakah bilangan maktab perguruan akan ditambah oleh Kerajaan kita dalam Rancangan Malaysia Keenam?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi dasar Kementerian Pendidikan bahawa kita haruslah melantih guru yang cukup untuk semua matapelajaran dalam semua aliran, dan kita tidak mahu satu keadaan di mana ada "mismatch" di antara bekalan dan keperluan guru di mana-mana bidang pelajaran.

Dari segi maktab perguruan ini dalam Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian Pendidikan telah mencadangkan bahawa 5 buah maktab perguruan baru dibina dan dengan pembinaan maktab-maktab perguruan tersebut, jumlah calon yang boleh dilantih dalam maktab perguruan tersebut akan ditambah dari 40,000 kepada 62,900 pada tahun 1995.

SYARIKAT KEWANGAN BERLESEN

3. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan syarikat kewangan yang telah dilesenkan dan bilangan cawangan-cawangan yang diluluskan oleh Gabenor Bank Negara sehingga bulan Disember 1990;
- (b) sama ada Bank Negara bercadang menaikkan tahap minimum modal berbayar syarikat-syarikat kewangan, terutamanya syarikat yang mempunyai bilangan cawangan yang sedikit sahaja; dan
- (c) sama ada Gabenor Bank Negara bercadang meminta syarikat-

syarikat kewangan yang kecil untuk bergabung menjadi syarikat kewangan yang lebih besar dan mantap.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman):
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat 31 Disember, 1990, bilangan syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 adalah sebanyak 45 buah dengan rangkaian cawangan sebanyak 542 buah di seluruh negara.
- (b) Bersempena dengan penguatkuasaan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 pada 1 Oktober, 1989, syarikat-syarikat kewangan telah dikehendaki meningkatkan modal minimum daripada sebanyak \$2 juta kepada sebanyak \$5 juta. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat kewangan dibenarkan untuk mencapainya secara beransur-ansur, iaitu sekurang-kurangnya \$3 juta menjelang 30 September, 1992 dan seterusnya \$5 juta menjelang 30 September, 1994.
- (c) Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar syarikat-syarikat kewangan yang beroperasi di negara kita ini mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan berkemampuan menyediakan perkhidmatan kewangan yang cekap dan moden selaras dengan kemajuan ekonomi negara kita. Dengan yang demikian, galakan sentiasa diberikan supaya syarikat-syarikat kewangan yang kecil bergabung sesama mereka atau dengan syarikat kewangan yang lebih teguh untuk membentuk sebuah syarikat kewangan yang bersaiz besar dan mantap.

Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menggunakan saluran perundangan bagi memaksa syarikat-syarikat kewangan yang kecil bergabung kerana Kerajaan berkeyakinan bahawa keperluan di sektor perkhidmatan kewangan di masa akan datang dengan sendirinya akan memaksa syarikat-syarikat kewangan yang kecil itu untuk menjalani proses penggabungan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada mengenakan syarat kepada institusi kewangan berlesen ini daripada \$2 juta kepada \$5 juta, barangkali niat Kerajaan ialah untuk menyekat pertumbuhan institusi kewangan yang lebih kecil dengan mengenakan modal ini. Apakah syarat-syarat lain yang dikenakan oleh pihak Kementerian Kewangan, khususnya Bank Negara supaya pertumbuhan institusi kewangan berlesen tidak begitu banyak terutamanya institusi kewangan yang kecil?

Soalan tambahan yang kedua, sehingga kini berapakah institusi-institusi kewangan berlesen yang telah didapati melanggar peraturan Akta Bank dan Institusi Kewangan yang telah diluluskan oleh Kerajaan? Apakah syarat-syarat yang dilanggar oleh mereka dan apa tindakan yang telah diambil oleh pihak Bank Negara setakat ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kok Lanas menyatakan bagaimana hendak menyekat yang kecil-kecil terus bertumbuh. Maka pada tahun 1984, Kerajaan sudah pun membuat pendirian tidak mengeluarkan lesen yang baru bahkan ada 5 lesen yang telah ditarik semula berdasarkan kepada masalah syarikat-syarikat kewangan yang tertentu. Dan sebab-sebabnya adalah berbagai-bagai tetapi pada asasnya

adalah berdasarkan kepada masalah itu mengancam kepentingan pendeposit-pendeposit.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, maka Kerajaan melalui peruntukan Akta yang terbaru untuk Institusi Kewangan 1989 telah melaksanakan beberapa tindakan untuk memastikan peraturan prosedur dan "padang permainan" (playing fields), dengan izin, ditentukan sebegitu rupa supaya berlaku sesuatu suasana yang sihat menggalakkan kepada arah persaingan dalam sektor kewangan itu sendiri. Maka dengan cara demikian, wujud satu suasana di mana kecekapan dan tahap profesionalisme akan menjadi pengukur yang utama dan dengan cara demikian, terhindar daripada apa jua bentuk penyelewengan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, keputusan yang dibuat oleh Kerajaan pada tahun 1984 untuk menghadkan bilangan lesen-lesen yang dikeluarkan untuk institusi kewangan ini mungkin sesuai pada permintaan modal pada masa itu. Soalan saya adakah Kerajaan mengkaji semula mengenai permintaan modal kewangan pada masa ini yang mana 45 buah syarikat ini tidak mencukupi memandangkan kepada development yang akhir-akhir ini mengenai dengan kehendak wang sehingga timbulnya orang-orang seperti Pak Man Telo dan lain-lain lagi. Apakah kriteria yang dipakai oleh pihak Kerajaan untuk digunakan supaya "cut-off point" yang menentukan bahawa syarikat kewangan ini sudah cukup untuk memenuhi permintaan modal di negara kita?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa 45 buah syarikat yang sedia ada mempunyai 542 cawangan di

seluruh negara. Dari segi taburan kemudahan institusi kewangan serupa demikian adalah dianggap cukup merata sehingga tidak sepatutnya berlaku amalan negatif dalam masyarakat untuk merujuk kemudahan yang ganjil seperti yang disediakan oleh seperti Pak Man Telo.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada hujah yang saya sebutkan sebentar tadi, apa yang sepatutnya berlaku ialah syarikat-syarikat yang kecil itu menuju ke arah untuk memperkukuhkan lagi. Kalau sekiranya tidak mampu untuk membesar secara sendiri maka berlaku penggabungan ataupun diambilalih oleh pihak-pihak yang lebih berpengaruh lagi dalam pasaran. Maka dengan cara demikian, keadaan institusi kewangan khususnya syarikat kewangan ini akan menjadi lebih kukuh untuk menampung citarasa dan keperluan masyarakat kita.

SEMINAR MENGENAI UNDANG-UNDANG ISLAM

4. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menganjurkan suatu seminar tentang pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia dengan menjemput tokoh-tokoh dari dalam dan luar negara yang pakar di dalam perundangan Islam. Sekiranya ya, bilakah ianya akan dilaksanakan, dan sekiranya tidak, sila nyatakan alasan-alasannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Yang di-Pertua, seminar mengenai pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia telah diadakan beberapa kali oleh Kerajaan, institusi-institusi pengajian tinggi dan badan-badan lain. Seminar seperti itu boleh diadakan dari masa ke semasa apabila difikirkan perlu.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan adakah pihak Kerajaan akan mengajurkan seminar mengenai undang-undang kepada khususnya pemimpin-pemimpin PAS supaya mereka mematuhi undang-undang, supaya mereka tidak melanggar undang-undang sebagaimana yang dilakukan di Memali pada hari ini.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, seminar-seminar memberi kesedaran kepada rakyat jelata supaya menjadi rakyat yang taat setia kepada undang-undang dan negara sentiasa diadakan dari masa ke semasa. Cuma kalau masih ada yang ingkar sama ada tidak hadir ataupun hadir tetapi tidak mahu mengambil erti apa yang diseminarkan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu apakah diadakan resolusi-resolusi yang diambil dalam seminar-seminar yang pernah diadakan ke arah melaksanakan undang-undang Islam di Malaysia?

Yang kedua, adakah pihak Kerajaan melaksanakan semua resolusi-resolusi yang dikemukakan ataupun ada di antaranya yang dipakai dan ada di antaranya yang tidak dipakai berdasarkan kepada pendapat Kerajaan, ada di antara undang-undang Islam itu yang sesuai dan ada yang tidak sesuai.

Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, seminar-seminar yang diadakan mengenai hal ini semuanya menjurus ke arah bagaimana hendak melaksanakan undang-undang Islam. Bukan tajuknya mahu atau tidak mahu menunaikan undang-undang Islam. Jadi, keputusan-keputusan seminar itu sentiasa diambil perhatian oleh

Kerajaan dan hasilnya sebagai misal beberapa tahun yang lampau, Kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Sivik dan Syarak. Jawatankuasa ini ialah sebuah jawatankuasa induk yang dibawahnya ada jawatankuasa teknikal dan kedua-dua tahap jawatankuasa ini mengandungi ahli-ahli syarak dan ahli-ahli undang-undang.

HASIL PERTANIAN—JUALAN

5. Dato Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kemudahan-kemudahan untuk peladang-peladang dan penduduk-penduduk tempatan menjual hasil pertanian dan hasil kegiatan lain di tempat-tempat yang disediakan di lebuhraya yang melalui kawasan Bagan Serai apabila dibina kelak.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada amnya kemudahan untuk peladang-peladang dan penduduk-penduduk tempatan menjual hasil pertanian serta kegiatan berkaitan ada disediakan di kawasan Bagan Serai apabila lebuhraya berkenaan dibina.

Untuk makluman, satu kawasan tanah yang luas dan mencukupi diperuntukkan sebagai kawasan pasar tani. Kawasan yang terdekat sekali di lebuhraya yang melalui kawasan Bagan Serai ialah kawasan rehat Narawat Gunong Semanggol.

TADIKA SWASTA—BANTUAN

6. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada ya atau tidak Kerajaan akan memberi subsidi terhadap perbelanjaan untuk

menjalankan bahan mengajar dan kemudahan-kemudahan lain bagi tadika swasta yang wujud sekarang ini;

- (b) sama ada ya atau tidak Kerajaan akan memberi kursus latihan untuk mereka semasa cuti sekolah supaya kemahiran dan keupayaan untuk mengajar pelajar-pelajar tadika dapat ditingkatkan;
- (c) sama ada ya atau tidak Kerajaan akan mendesak terhadap bayaran pakaian seragam sekolah dan skim gaji pakaian seragam;
- (d) sama ada ya atau tidak peraturan terhadap pendaftaran pelajar tadika akan diubah sepenuhnya; dan
- (e) jika Kerajaan akhirnya akan memasukkan pendidikan tadika ke dalam aliran utama sistem pendidikan, apakah yang akan terjadi kepada tadika swasta yang sedia ada sekarang.

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) buat masa ini Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk memberikan bantuan kepada tadika swasta, sama ada dalam bentuk subsidi kewangan, bahan-bahan mengajar ataupun kemudahan-kemudahan yang lain.
- (b) Kementerian Pendidikan Malaysia belum ada rancangan untuk memberi latihan/kursus semasa cuti sekolah kepada guru-guru tadika swasta.
- (c) Pakaian seragam bagi sekolah-sekolah tadika swasta adalah ditetapkan oleh penganjur-penganjur pusat tadika tersebut. Maka itu bayaran bagi pakaian

seragam sekolah-sekolah berkenaan adalah di bawah kawalan pusat penganjur sekolah-sekolah tersebut.

- (d) Kementerian Pendidikan tidak menetapkan peraturan-peraturan pendaftaran pelajar-pelajar tadika, kecuali daripada segi batasan umur. Peraturan-peraturan pendaftaran pelajar tadika ditetapkan oleh pihak pengurusan tadika secara bersendirian.
- (e) Pada masa sekarang telah wujud banyak tadika yang dikendalikan oleh berbagai pihak termasuk pihak swasta. Oleh itu tidak timbul keperluan untuk melaksanakan program pendidikan pra-sekolah ke dalam aliran utama Sistem Pendidikan Negara. Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengadakan pendidikan pra-sekolah hanya di kawasan-kawasan miskin yang difikirkan perlu. Kementerian Pendidikan sentiasa memberi galakan kepada pihak penganjur pusat-pusat pra-sekolah sama ada pihak swasta atau agensi-agensi Kerajaan untuk menyediakan kemudahan tersebut.

Che Ibrahim bin Mustafa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila sistem pendidikan pra-sekolah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan, apakah pihak Kementerian telahpun menggubal satu kurikulum dan kokurikulum untuk sistem pendidikan pra-sekolah ini.

Yang keduanya, adakah kurikulum yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan pra-sekolah tajaan Kementerian ini juga wajib dilaksanakan oleh pendidikan pra-sekolah/kelas-kelas pra-sekolah tajaan swasta?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Kementerian Pendidikan ialah pendidikan pra-sekolah ini merupakan pendidikan di mana kita mengajar ilmu-ilmu dan kebolehan interaksi sosial dari segi, dengan izin, work play method, bukan dari segi pengajaran secara formal. Jadi, dengan pandangan itu satu kurikulum yang tetap untuk pra-sekolah itu tidak wujud.

Namun demikian, Kementerian Pendidikan telahpun mengadakan satu buku panduan atau guidelines berkaitan dengan cara-cara dan bahan-bahan yang harus diedarkan, diajar di sistem pra-sekolah kita dan bantuan itu haruslah diikuti oleh tadika-tadika swasta.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang telah disebut oleh Timbalan Menteri tadi tidak ada rancangan Kerajaan untuk mengadakan pendidikan pra-sekolah. Tetapi sebagaimana yang kita faham atau tahu pendidikan pra-sekolah atau tadika/tabika ini semua fenomena berlaku di kawasan bandar dan jarang dan tidak berlaku di kawasan-kawasan luar bandar dan kawasan-kawasan orang yang miskin. Jadi, syllabus dibuat untuk peringkat darjah satu dan dua adalah berlandaskan anggapan semua kanak-kanak itu sudah mempunyai pendidikan pra-sekolah. Bagaimanakah Kementerian Pendidikan untuk mengatasi masalah-masalah murid-murid di luar bandar yang tidak pernah menerima pendidikan pra-sekolah?

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kementerian Pendidikan sedar bahawa ada sebahagian masyarakat kita khususnya mereka yang terdiri dari kawasan-kawasan miskin yang tidak mempunyai peluang untuk memasuki atau untuk menikmati pendidikan pra-sekolah. Dengan itulah Kerajaan iaitu

Kementerian Pendidikan telah mula mengadakan pendidikan pra-sekolah di kawasan-kawasan yang difikirkan perlu.

Mengikut dakwaan bahawa ada pusat-pusat pra-sekolah di bandar yang telah menggunakan syllabus seperti pengajaran mengikut darjah satu atau dua dalam pusat-pusat tersebut, memang pandangan Kementerian Pendidikan ialah dalam pusat pra-sekolah itu kita harus memperkenalkan atau expose, dengan izin, kepada pelajar-pelajar itu ilmu dan kebolehan berinteraksi secara work play. Itulah pada pandangan Kementerian Pendidikan dan sekiranya ada pusat-pusat tadika yang tidak mengikut pandangan pendidikan kita, kita boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

PENGEMIS ASING

7. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan dengan kebanjiran pengemis-pengemis dari luar negeri di bandar negara kita setakat ini, berapa ramai dari mereka telah diambil tindakan oleh Kementerian sehingga kini dan dari negara manakah mereka datang.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1987 hingga akhir tahun 1990, seramai 659 pengemis asing telah ditangkap dan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya. Adalah dipercayai pengemis asing tersebut datang dari negara Myanmar dan Bangladesh.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sehingga setakat ini pihak Kementerian telah

membanci atau menghitungkirakan pengemis-pengemis tempatan sebab saya dapati ada di kalangan pengemis-pengemis tempatan ini adalah di dalam golongan yang berada.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini lain daripada soalan asal, tetapi kalau dapat angka-angka pengemis tempatan, sila beri notis.

DASAR PANDANG KE TIMUR— PENCAPAIAN

8. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bagaimanakah pencapaian Dasar Pandang ke Timur dari segi perubahan sikap dan mewujudkan pekerja yang beretika; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan membuat pengukuran tersebut.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Pandang ke Timur yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pada tahun 1982 telah mencapai objektif, khususnya terhadap usaha-usaha untuk mewujudkan perubahan sikap yang lebih positif dan amalan etika kerja yang lebih baik di kalangan pekerja-pekerja. Dari penilaian- penilaian yang dibuat, antara lain didapati, selepas dasar ini dilaksanakan, pekerja-pekerja lebih berdisiplin, bertanggungjawab, mempunyai keyakinan diri, beramanah, mengurus masa dengan baik, taat kepada organisasi dan bekerja dengan harmoni secara berkumpulan.

Kerajaan telah membuat pengukuran terhadap pencapaian tersebut melalui penilaian-penilaian sama ada dari laporan maklumatbalas yang diterima dan juga dari kajiselidik yang telah

dijalankan ke atas 23 organisasi dari aspek berikut:

- menambah pengetahuan baru dalam bidang teknikal;
- meningkatkan sikap kerja berkumpulan dan tidak bersifat individu;
- memperkenalkan teknologi-teknologi yang baru di pelajari kepada rakan-rakan mereka;
- memberi penekanan kepada ciri-ciri keselamatan dalam kerja; dan
- sentiasa menekankan hasil-hasil kerja yang ber kualiti.

Selain dari sumbangan kepada hasil kerja, responden-responden juga menyatakan kesan-kesan yang positif terhadap perubahan sikap mereka semasa bekerja. Di antara perubahan-perubahan sikap ini adalah seperti berikut:

- lebih berkeyakinan di dalam menjalankan kerja;
- mengamalkan cara-cara kerja/etika orang-orang Jepun;
- peluang berlatih/bekerja dengan orang-orang Jepun merangsang pelatih-pelatih untuk mengamalkan cara kerja yang lebih baik;
- meningkatkan daya kepimpinan;
- meningkatkan rasa tanggungjawab dalam menjalankan kerja;
- meningkatkan rasa lebih bertanggungjawab dalam mengawal masa; dan
- taat setia kepada organisasi.

Hasil penyelidikan ini lebih merupakan pandangan yang dikemukakan oleh pelatih-pelatih dan tidak merupakan kajian yang kuantitatif.

Bilangan pelatih/pelajar yang telah mengikuti latihan di bawah Dasar Pandang ke Timur sehingga Oktober 1991 adalah seperti berikut:

Program	Bilangan Pelatih Mengikuti Negeri		Jumlah
	Jepun	Korea	
<i>Latihan Sebelum Perkhidmatan</i>			
Akademik	561	75	636
Perubatan	4	-	4
Teknikal	315	115	430
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	880	190	1,070
<i>Latihan Dalam Perkhidmatan</i>			
	<i>Jepun</i>	<i>Korea</i>	<i>Jumlah</i>
Latihan In-Plant	2,136	248	2,384
Pembangunan	98	234	332
Eksekutif			
Guru Bahasa Jepun	20	-	20
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	2,254	482	2,736
<i>Hadiah Biasiswa Latihan/Lawatan Sambil Belajar</i>			
	<i>Jepun</i>	<i>Korea</i>	<i>Jumlah</i>
Kemahiran	174	73	247
Pengurusan Am			
Pengajian Tinggi	308	7	315
Friendship 21st Century	1,194	-	1,194
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	1,676	80	1,756
Jumlah besar	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	4,810	752	5,562

Tuan Ahmad bin Nor: Saya ingin tahu mengapakah dalam Dasar Pandang ke Timur ini Kerajaan hanya memberi penekanan ke atas etika kerja dan latihan sedangkan kita lihat di dalam Dasar Pandang ke Timur ini tidak wujud tentang dari segi layanan dan kebajikan kepada pekerja-pekerja di negara ini?

Yang kedua, saya ingin tahu apakah pertimbangan Kerajaan dalam Dasar Pandang ke Timur ini untuk menentukan bahawa Kerajaan di Malaysia juga dapat memberi layanan daripada segi kebajikan dan kepentingan kaum pekerja sepertimana yang diamalkan di Jepun dan Korea?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, layanan yang diadakan di Malaysia ini di kalangan kakitangan Kerajaan khususnya yang menjalani latihan ini telahpun dikira cukup baik. Dengan pengumuman Kerajaan baru-baru ini, semua insentif telah diberikan. Saya rasa tidak jauh bezanya dengan negara-negara membangun yang lain. Jadi, dengan sebab itu soal layanan tentang Dasar Pandang ke Timur ini adalah tidak timbul.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan tadi, alangkah indahnya apa yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen itu. Bolehkah saya mengetahui berapa peratuskah daripada 800,000 orang pegawai-pegawai pentadbir Kerajaan yang beramal sebagaimana yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen itu?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada jawapan responden-responden terhadap kajian ke atas 23 institusi-institusi Kerajaan, 75% daripada bekas-bekas pelatih ini telah mengakui bahawa mereka telahpun mencapai satu tahap yang baik hasil daripada kursus ataupun Dasar Pandang ke Timur yang telah dianjurkan oleh Kerajaan ini.

BUMIPUTERA DALAM SEKTOR SWASTA—PENGLIBATAN

9. Puan Rohani binti Abd. Karim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan peranan dan perancangan yang dijalankan oleh agensi seperti Permodalan Nasional Berhad dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri-negeri (PKEN) untuk mempertingkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor swasta, terutama sekali dari segi pembangunan usahawan (entrepreneurial development).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi peranan asas PKEN-PKEN untuk mempertingkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor swasta selaras dengan sifatnya sebagai agensi amanah dan seterusnya sebagai patron, dengan izin, ataupun sebagai pemudahcara kepada bumiputera.

Untuk melaksanakan peranan ini, PKEN-PKEN telah bertindak sebagai jentera pemungkin atau penggerak kepada pertumbuhan ekonomi melalui penglibatan secara langsung di dalam urusan-urusan perniagaan dan dalam berbagai sektor ekonomi secara usahasama ataupun milikan sepenuhnya. PKEN-PKEN juga telah membangunkan kawasan-kawasan perindustrian untuk menggalakkan pelaburan dan pertumbuhan ekonomi supaya ia akan membuka ruang-ruang baru perniagaan di mana usahawan-usahawan bumiputera dapat menyertainya. Usaha ini diperkuatkan dengan berbagai-bagai proses pembelajaran ilmu perniagaan seperti latihan-latihan formal dan juga bukan formal yang dijalankan oleh PKEN dan institusi latihan yang lain.

Dari segi perancangan pula, PKEN-PKEN akan mengkaji cara-cara baru untuk mempertingkatkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan sekarang. Walau bagaimanapun, teras utama kini adalah mengutamakan kegiatan-kegiatan PKEN-PKEN dalam membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Sehubungan dengan ini, perancangan PKEN adalah ke arah meningkatkan bilangan dan kualiti usahawan bumiputera dalam sektor perindustrian khususnya dan industri kecil dan sederhana yang berpotensi, sektor perdagangan dan perkhidmatan dengan penumpuan dikawasan bandar-bandar dan pusat-pusat pertumbuhan baru. Hubungan yang erat akan dijalinan di

antara PKEN-PKEN dan usahawan melalui skim-skim incubator, dengan izin, payung, sub-kontrak, perkhidmatan perundingan dan pengurusan.

Selain daripada itu, pembangunan tenaga manusia, kualiti pengeluaran, penyelidikan, kewangan, pemasaran adalah aspek-aspek yang akan diberi tumpuan juga oleh PKEN-PKEN. Matlamat akhir adalah untuk menjadikan usahawan itu berdikari, berkaliber dan berkualiti untuk bersaing di dalam dunia perniagaan. Masalah-masalah yang timbul akan diselesaikan dengan bantuan secara package, dengan izin, melalui berbagai opsyen yang boleh membantu usahawan bumiputera. Opsyen-opsyen ini akan dirundingkan dengan usahawan melalui proses rundingcara supaya opsyen yang terbaik yang boleh membantu mereka dapat dikenalpasti dan seterusnya digunakan bagi mempertingkatkan prestasinya sehingga beliau boleh menjalankan perniagaannya secara tersendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Permodalan Nasional Berhad (PNB) pula adalah merupakan sebuah institusi pelaburan bertujuan untuk meningkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor korporat dari segi pemilikan saham melalui skim Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera. Fungsi untuk membangunkan usahawan bumiputera pula adalah terletak di bawah peranan Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), iaitu salah sebuah syarikat milik penuh Yayasan Pelaburan Bumiputera. Syarikat ini telah ditubuhkan pada 17 Julai 1991 dan belum lagi beroperasi sepenuhnya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita sedar sudah banyak usaha telah dilakukan baik dari segi aktiviti dan program dalam usaha hendak meningkat dan membantu pembangunan usahawan bumiputera.

Saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian bercadang ataupun sudah memikir kemungkinan untuk membentuk atau mewujudkan sebuah perbadanan secara khusus seperti Perbadanan Pembangunan Usahawan Bumiputera, dari segi penyelarasan, dari segi koordinasi dan dari segi memperlihatkan lebih mantap ke arah usaha hendak meningkatkan pembangunan usahawan bumiputera. Kerana kita tidak nafi tentang unit-unit yang telah dimainkan peranan oleh Perbadanan seperti PNB atau Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri, tetapi kadang-kadang institusi ini lebih banyak menumpu dari segi perniagaan masing-masing, dari segi mencari keuntungan, sehingga ada pertindihan dan perlumbaan di kalangan usahawan bumiputera sendiri. Oleh itu adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Perbadanan seumpama yang saya tanya tadi, supaya Perbadanan ini boleh membuat penilaian dan boleh menjadi suatu 'one-stop agency', yang boleh mengenalpasti dengan lebih khusus supaya disalurkan usahawan ini dari segi mendapat peluang-peluang dan bimbingan perniagaan daripada pihak Kerajaan.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disarankan oleh Yang Berhormat itu adalah sebahagian daripada matlamat, tujuannya Perbadanan Usahawan Nasional Berhad ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan diuruskan sebagai sebuah organisasi yang berorientasikan komersial dan memberi tumpuan sebahagiannya kepada usahawan bumiputera.

Untuk makluman Yang Berhormat aktiviti-aktiviti utama PUNB yang tidak lari daripada apa yang disarankan atau dihajatkan oleh Yang Berhormat tadi adalah seperti berikut iaitu:

- (1) Menyediakan modal kepada syarikat-syarikat bumiputera

menerusi pelaburan permulaan, pelaburan pembangunan, pelaburan susulan dan pelaburan pengambialihan.

- (2) Memberi kemudahan latihan keusahawanan bersepadu dan praktikal yang merangkumi aspek kewangan, pengurusan, teknologi, pemasaran dan seterusnya menerapkan nilai-nilai budaya dan etika kerja yang profesional.
- (3) Menyediakan maklumat perniagaan dan perkhidmatan urusniaga.

Jadi dari segi untuk memastikan supaya dapat dirangkumi cara bersepadu itu adalah sebahagian daripada usaha dan matlamatnya. Selain daripada itu juga PUNB akan menetapkan jenis-jenis syarikat yang akan dibiayainya dan juga akan memberi tumpuan dan keutamaan kepada industri pembuatan sama ada yang berasaskan sumber asli ataupun bukan asli.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, apakah ada satu kajian yang menyeluruh yang dibuat oleh Kementerian setakat ini untuk menentukan kekesan PKEN-PKEN yang ada, yang mana kita telah mendengar banyak kerugian-kerugian dan penyelewengan-penyelewengan daripada sasaran utama yang dibuat oleh PKEN. Misalannya, kuari yang dioperasikan selama 15 tahun belum beruntung, pada hal kuariboleh beruntung hanya selepas 2 tahun. Jikalau ada, apakah faktor-faktor yang menunjukkan kelemahan-kelemahan ataupun kekuatan-kekuatan di antara PKEN-PKEN ini? Misalannya adakah ianya disebabkan oleh kelemahan di dalam pengurusan ataupun lain-lain lagi?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, memang betul pihak Kementerian telah menjalankan kajian-kajian di atas perjalanan PKEN-PKEN, malah di bawah konsep barunya teras untuk membawa matlamat bagi mewujudkan komuniti perdagangan dan perindustrian bumiputera itu menjadi teras utama yang mana berasaskan kepada kajian kelemahan-kelemahan, di antara mana adalah pertindihan yang telah berlaku, tidak diserangkaikan atau dikaitkan proses untuk memberi sumbangan, bantuan atau bimbingan kepada potensi usahawan-usahawan bumiputera di dalam meninggalkan kesan-kesan yang boleh mendapatkan kualiti dan pertumbuhan yang sebenarnya dari segi pembangunan ekonomi secara menyeluruh.

Konsep pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Keenam adalah berbeza daripada aktiviti-aktiviti perindustrian yang pernah dijalankan oleh PKEN masa dahulu. Yang banyak penumpuannya adalah kepada pembangunan dan menjualkan tanah-tanah industri dan berkecimpung secara usahasama dengan pelabur-pelabur tempatan dan asing di negeri masing-masing, malah fokus MPPB atau mewujudkan masyarakat pelaburan dan perniagaan bumiputera itu yang merupakan sebahagian daripada teras dan fungsi utama agensi atau pihak penganjur projek MPPB itu, iaitu PKEN ialah untuk memberi pendekatan yang lebih fleksibel bagi memastikan bahawa tumpuan akan diberi kepada pembangunan usahawan itu sendiri.

Penglibatan PKEN ini adalah sekadar untuk memastikan usahawan itu berkecimpung mengikut potensi-potensi yang sedia ada, dan memberi akses kepada sumber-sumber dan keperluan-keperluan asas yang dapat melipatgandakan prestasi dan kedayamampuannya untuk berdikari. Jadi, pendekatan program yang dirangka itu adalah berasaskan kepada

kajian yang telah mengkaji kelemahan-kelemahan itu dengan tujuan supaya pelaksanaan program itu dapat memberi penekanan-penekanan penting.

Antara penekanan-penekanan penting yang diberikan untuk mewujudkan usahawan yang berjaya ialah:

Pertama, memastikan supaya PKEN akan membuat pemilihan yang teliti bersama dengan agensi-agensi lain.

Kedua, memberi fokus yang sesuai kepada aktiviti-aktiviti pembangunan usahawan itu bagi mengatasi segala dan sebahagian daripada masalah-masalah seperti keperluan-keperluan operasi, pembangunan manusia, kualiti pengeluaran dan sebagainya. Jadi ini adalah di antara perkara-perkara yang telah dan akan dijalankan.

Setakat ini Kementerian belum lagi mempunyai kriteria yang khusus mengenai penswastaaan bagi satu-satu projek tertentu, tetapi pada lazimnya menswastakan syarikat-syarikat yang mempunyai potensi yang baik, yang juga dapat memenuhi objektif-objektif asal Dasar Penswastaaan itu. Jadi inilah di antara beberapa perkara yang telah dapat dijalankan.

PENCEMARAN UDARA DAN AIR

10. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) berapakah tahap pencemaran udaradan air di negara kita mengikut ukuran antarabangsa terutamanya di estet perindustrian; dan
- (b) kebelakangan ini kadar pencemaran sungai-sungai makin meningkat. Sungai-sungai manakah yang telah

dikenalpasti dan bagaimanakah tahap pencemarannya, dan apakah struktur-struktur cemaran yang membahayakan dan kesannya kepada pengguna; dan

- (c) apakah langkah-langkah penguatkuasaan Kerajaan untuk membendung dan mengatasi masalah ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua untuk jawapan;

- (a) Pada umumnya tahap pencemaran udara dan air di negara ini termasuk estet-estet perindustrian adalah terkawal walaupun terdapat beberapa kawasan didapati agak tercemar.
- (b) Berdasarkan kepada data pengawasan kualiti air sungai yang dipungut oleh Jabatan Alam Sekitar, didapati ada setengah sungai yang mana pencemarannya meningkat, tetapi ada juga sungai yang keadaannya adalah lebih baik. Di antara sungai-sungai yang tahap pencemarannya meningkat ialah seperti:
 - (i) Sungai Benut
 - (ii) Sungai Sepang
 - (iii) Sungai Ibai
 - (iv) Sungai Pontian Besar; dan
 - (v) Sungai Kelang.

Di antara sungai-sungai yang bertambah baik ialah:

- (i) Sungai Juru
- (ii) Sungai Buluh
- (iii) Sungai Kemaman
- (iv) Sungai Merbok
- (v) Sungai Kedah; dan
- (vi) Sungai Langat.

Butir-butir lanjut terdapat dalam Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar yang terakhir.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjimatkan masa saya dengan izin dan sukacitanya boleh menyerahkan senaskhah laporan itu kepada Ahli Yang Berhormat untuk dirujukkan.

Pada keseluruhannya sungai-sungai yang terjejas akibat pencemaran ini masih boleh digunakan untuk tujuan pengairan, pertanian dan rekreasi. Walau bagaimanapun, ianya tidak sesuai untuk digunakan bagi tujuan mandimanda dan minuman tanpa dirawat terlebih dahulu.

- (c) Bagi mengawal pencemaran di negara ini, Alam Sekitar menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama. Saya ingin tahu sejauhmanakah pencemaran udara yang berlaku baru-baru ini akibat jerubu dan adakah masalah jerubu sekarang ini sudahpun selesai di sekitar negara kita termasuklah di Ibu Kota ini sendiri.

Soalan yang kedua, tadi Yang Berhormat ada menyebut sungai-sungai yang dianggap masih kotor, tetapi tidak disebut Sungai Golok, Rantau Panjang. Setahu saya Sungai Golok, Rantau Panjang ini pun tidaklah begitu bersih. Jadi, apakah rancangan Yang Berhormat hendak bersih Sungai Golok ini?

Tuan Lau Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya menjawab soalan yang kedua dahulu. Sungai Golok pun ada dalam senarai, tetapi Sungai Golok ini ialah di dalam kandungan pepecahan derampai, punca

dari hakisan tanah dan kelodakan sungai. Sungai Golok ialah dalam kategori itu.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat mengenai jerubu, seperti saya terangkan semasa saya menggulung perbahasan ke atas Belanjawan 1992, faktor-faktor yang mengakibatkan jerubu ini berlaku di negara kita ini, selain daripada punca-punca yang datang dari luar negeri iaitu di luar kawalan Kerajaan kita termasuk faktor-faktor yang berpunca dari dalam negeri. Walaupun sekarang dengan bertukar arah anginnya jerubu itu telah tidak ada lagi; masalah pokoknya masih ada. Oleh sebab itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menubuhkan satu Jawatankuasa Induk dan di bawah Jawatankuasa Induk itu kita telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa kecil untuk mencari dan mengesahkan punca yang mana menyebabkan jerubu ini dan juga mencari jalan atau strategi macam mana jerubu ini boleh diatasi atau dikurangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri sebut sungai yang tercemar sekali atau most polluted river dalam tanahair kita, keadaan tahap pencemaran sungai itu dan adakah Kerajaan atau Kementerian mempunyai rancangan satu target untuk membersihkan dan memulihkan sungai itu untuk kegunaan semua tujuan? Apakah target itu dan dalam berapa tahun sungai itu boleh dibersihkan dan dipulihkan dan adakah target itu juga untuk semua sungai-sungai yang tercemar?

Tuan Lau Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, pencemaran ini kita tertakluk kepada kita dari mana satu segi. Oleh kerana ada sungai yang didapati tercemar dari kandungan bahan organik dan juga ada bercemar dari kandungan amoniaca nitrogen iaitu berpunca dari kumbahan domestik dan buangan najis dan juga ada sungai-sungai yang

tercemar dari kandungan perpecahan derampai dari punca hakisan tanah dan kelodakan sungai.

Di antara ini, sungai-sungai yang dicemar oleh kandungan bahan organik ialah sebanyak lima batang dan sungai-sungai yang sangat dicemari oleh amoniaca nitrogen dari punca-punca kumbahan domestik dan buangan najis sebanyak 22 batang. Sebanyak 42 batang sungai yang telah dicemari oleh perpecahan derampai. Adalah sukar untuk Kementerian saya memastikan mana satu sungai yang tercemar oleh kerana ini dipandang dari mana satu segi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya belum merancang satu rancangan untuk membersihkan mana satu sungai yang tercapai matlamat seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir)

BURSA SAHAM KUALA LUMPUR—KEJATUHAN HARGA

12. Tuan Saidin bin Adam minta Menteri Kewangan menyatakan apakah sebabnya harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur yang secara langsung melibatkan Amanah Saham Nasional (ASN) begitu menurun sekali. Sampai bilakah harga-harga saham ini akan dipulihkan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, pasaran saham telah mengalami kelembapan sejak pertengahan bulan Jun lalu. Indeks Komposit telah jatuh 13.34% atau 82.51 mata kepada 536.18 mata pada 27hb November, 1991 apabila dibandingkan dengan paras 618.69 mata pada hujung bulan Jun 1991.

Jumlah dagangan harian purata di Bursa Saham Kuala Lumpur daripada bulan Julai hingga 27hb November, 1991 juga menurun sebanyak 41.96% kepada 37.42 juta unit berbanding dengan 64.47 juta unit daripada Januari hingga Jun 1991.

Beberapa faktor telah mengakibatkan kejatuhan harga di pasaran saham seperti khabar-khabar angin berkaitan dengan dagangan dalaman, kebimbangan terhadap tekanan inflasi dan langkah-langkah yang diambil untuk mengetatkan kecairan bank-bank seperti penambahan keperluan rezab berkanun.

Keadaan pasaran saham juga sensitif kepada keadaan pasaran saham luar negara yang juga menghadapi kelembapan di sana sini. Misalnya, pada 18hb November, 1991, Indeks Komposit telah jatuh sebanyak 17.06 mata atau 3.13% kepada 528.68 mata. Kejatuhan harga ini adalah dipengaruhi oleh kejatuhan harga yang dialami di Bursa Saham New York. Sambil itu pula tanggapan terhadap keadaan ekonomi negara-negara maju bahkan dunia keseluruhannya juga mempengaruhi sentimen pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa masyarakat umum khususnya pihak pelabur juga perlu memainkan peranan dalam pembangunan pasaran saham. Pelabur-pelabur perlu membezakan faedah-faedah yang didapati melalui kenaikan harga saham dalam jangka pendek iaitu keuntungan modal ataupun capital gains, dengan izin, dan faedah jangka panjang melalui pembayaran dividen oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Faedah keuntungan modal biasanya dipengaruhi oleh sentimen pasaran yang tidak mempunyai asas dan merupakan spekulasi. Sekiranya pelabur-pelabur mengendalikan pelaburan berdasarkan asas-asas

ekonomi serta juga syarikat-syarikat yang disenaraikan, pasaran saham kita akan lebih kukuh lagi dan tidak mudah dipengaruhi oleh sentimen yang tidak mempunyai asas seperti khabar-khabar angin.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menegaskan di sini bahawa pasaran saham kita telah mula sampai ke tahap yang matang. Maknanya zaman turun naikharga saham secara ketara sewajarnya sudah berlalu. Seterusnya erti kepada pasaran saham yang makin lama makin matang ialah pasaran saham mempunyai nilai, dengan izin, capitalisation yang besar iaitu \$1.6 bilion, pilihan stok yang berbagai-bagai, pasaran yang terbuka, sumber maklumat yang luas tersibar dan institusi-institusi yang kukuh dan dikendalikan secara yang profesional. Oleh yang demikian, penekanan sewajarnya adalah terhadap dividen saham bukan harga saham.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang fakta-fakta yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah mempengaruhi harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur. Adakah besar kemungkinan bahawa imej Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru ini boleh menjejaskan Bursa Saham Kuala Lumpur memandangkan apa yang disebutkan oleh beliau, misalnya Yang Berhormat Menteri Kewangan pernah mengatakan bahawa, dengan izin, he said that the stock market is not the sole indicator of the performance of the economy dan perkataan-perkataan seperti inilah menjejaskan imejnya mengenai golongan perniagaan dan sebagainya. Adakah.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Ya, apa lagi?

Dr Tan Seng Giaw: Adakah kemungkinan bahawa perkara ini berlaku dan kalau begitu apakah

langkah untuk memperbaiki imej seperti ini? Adakah faktor yang lain setakat ini, Kementerian Kewangan tidak dapat mewujudkan iklim yang lebih baik untuk pelaburan dan untuk mewujudkan peluang-peluang bagi pengilang-pengilang di negara ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, maka ter-bongkarlah rahsia yang ada pada Yang Berhormat dari Kepong, kerana dia tergamak memutar-belitkan sehinggakan bersama-sama terbabit menyebarkan khabar-khabar yang tidak ada asas langsung. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi untuk memaklumkan khususnya kepada Yang Berhormat dari Kepong supaya terhindar daripada amalan demikian dan kalau boleh supaya beliau bersama-sama dengan kita semua untuk memaklumkan kepada masyarakat umum khususnya masyarakat pelabur bahawa pasaran saham kita makin lama makin matang. Maka turun naik seperti yang berlaku pada tahun-tahun 60an, 70an dan 80an sudahpun berlalu. Maka yang perlu dirujuk ialah prestasi ekonomi keseluruhannya dan prestasi syarikat-syarikat yang ada di pasaran saham itu sendiri.

MENYELENGGARA JALAN

13. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) amaun yang diperuntukan untuk menyelenggara dan menaikkan taraf jalan bagi tahun-tahun 1991, 1992, 1993, 1994 dan 1995 di seluruh negara pada amnya, dan Wilayah Persekutuan khususnya; dan
- (b) apakah amaun yang diperuntukan untuk jalan, masing-masing di Kepong dan Jinjang pada tahun-tahun berkenaan.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi menyelenggara jalan dibahagi seperti berikut:

- (a) Jalan negeri dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan juga melalui geran jalan Negeri-negeri, dengan izin, States road grant yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Yang kedua, jalan Persekutuan akan dibiayai oleh Kerajaan Pusat.

Untuk makluman Yang Berhormat, sumbangan Kerajaan Pusat bagi menyelenggara jalan Negeri melalui geran jalan pada tahun 1991 ialah \$367.8 juta dan untuk tahun 1992, cadangan anggaran ialah \$385 juta. Bagi menyelenggara jalan Persekutuan, peruntukan yang disediakan pada tahun 1991 ialah sebanyak \$155 juta dan anggaran bagi tahun 1992 pula ialah sebanyak \$167 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang disediakan untuk penyelenggaraan jalan-jalan di dalam Wilayah Persekutuan tahun ini ialah \$13.65 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi menyelenggara jalan Persekutuan diletakkan di bawah Belanjawan Mengurus dan diluluskan dari tahun ke tahun oleh Parlimen. Oleh itu, maklumat tentang peruntukan yang akan disediakan bagi tahun 1993, 1994 dan 1995 belum diketahui.

Berkenaan dengan peruntukan menaikkan taraf jalan Persekutuan, jumlah peruntukan

Rancangan Malaysia Keenam yang diluluskan bagi Semenanjung Malaysia ialah sebanyak \$961.32 juta.

Mengenai peruntukan tahunan pula, jumlah yang disediakan pada tahun 1991 ialah sebanyak \$100.29 juta dan bagi tahun 1992 jumlah yang dianggarkan ialah \$345.2 juta.

Jumlah peruntukan yang disediakan untuk menaik taraf jalan di Wilayah Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Keenam ialah sebanyak \$173.3 juta dan daripada itu \$15.3 juta diluluskan untuk tahun 1991, manakala \$46.15 juta dianggarkan untuk tahun 1992. Peruntukan bagi tahun 1993, 1994 dan 1995 tidak dapat ditentukan sekarang kerana ianya juga tertakluk kepada proses Belanjawan tahunan yang biasa diamalkan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan di Kuala Lumpur termasuk Jinjang dan Kepong adalah di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jumlah peruntukan yang disediakan untuk menaik taraf jalan Kepong ialah sebanyak \$6.25 juta.

Bagi kawasan Jinjang pula, sebanyak \$ juta disediakan setiap tahun untuk menyelenggara jalan-jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11, 14 hingga 19 adalah diberi di bawah ini)

JAMBATAN SUNGAI LABUK

11. Tuan Michael Asang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) sama ada peruntukan membina Jambatan Sungai Labuk telah diberi kelulusan dalam Rancangan Malaysia Keenam; dan
- (b) bilakah kerja pembinaan akan dimulakan.

Tuan Kerk Choo Ting: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) projek pembinaan Jambatan Sungai Labuk adalah termasuk di dalam projek Jalan Raya Sapi Nangoh yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam sebagai projek sambungan daripada Rancangan Malaysia Kelima.
- (b) Kerja-kerja rekabentuk dijangka akan dimulakan dalam awal tahun 1992 dan tawaran dijangka akan dipanggil akhir tahun 1992.

SEKOLAH MENENGAH JIT SIN—KOS PEMBINAAN

14. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa peruntukan \$2 juta kepada Sekolah Menengah Jit Sin, Bukit Mertajam untuk projek pembinaan sekolah tersebut di tempat berhampiran Taman Sri Rambai. Bukit Mertajam adalah jauh tidak mencukupi memandangkan projek itu dijangka menelan perbelanjaan lebih kurang \$10 juta;
- (b) sama ada Kerajaan berjanji bahawa ia akan memberi peruntukan 'secara seringgit ke seringgit' dalam semua projek

sekolah bantuan modal dalam tahun enam puluh semasa sekolah rendah dan sekolah menengah Cina, Tamil dan Inggeris ditukar kepada sekolah jenis kebangsaan. Jika ya, mengapa Kerajaan enggan mematuhi janji ini dalam kes Sekolah Menengah Jit Sin ini; dan

- (c) adakah Kerajaan bercadang menambah peruntukan \$3 juta bagi kepada Sekolah Menengah Jit Sin supaya projek sekolah ini dapat disempurnakan, jika tidak, apakah langkah sudah diambil oleh pihak Kementerianya supaya pendidikan murid-murid sekolah itu tidak terjejas.

Dr Fong Chan Onn:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos projek pembinaan Sekolah Menengah Jit Sin ialah \$8 juta dan bukan \$10 juta seperti yang dinyatakan. Sebenarnya peruntukan \$2 juta untuk sekolah berkenaan merupakan peruntukan yang sangat besar berbanding dengan sekolah-sekolah lain. Peruntukan yang ada perlu juga diagihkan kepada beratus-ratus buah sekolah lain yang sangat memerlukan peruntukan bagi pembaikan dan pemulihan bangunan. Sebagai sekolah bantuan modal, Kerajaan akan hanya membiayai sebahagian daripada kos projek tersebut tertakluk kepada peruntukan kewangan yang ada. Peruntukan selebihnya hendaklah dibiayai sendiri oleh pihak Lembaga Pengurus Sekolah berkenaan.
- (b) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, soalan ini telah dijawab beberapa kali di dalam Dewan ini. Sebagai Sekolah

Bantuan Modal, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk memberi peruntukan secara 'seringgit ke seringgit'.

- (c) Kementerian Pendidikan telahpun memberi bantuan sebanyak \$250,000.00 kepada Sekolah Menengah Jit Sin pada 25hb Julai, 1991. Memandangkan peruntukan yang ada pada masa ini adalah terhadap, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menambah peruntukan kepada Sekolah Menengah Jit Sin.

PEMBUANGAN SISA TOKSID

15. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sejak 1.9.1991,

- (a) berapa kes pembuangan sisa-sisa toksid secara haram oleh kilang-kilang di pantai laut telah dikesan mengikut pecahan negeri;
- (b) di manakah tempat-tempat pembuangan berlaku;
- (c) nama kilang-kilang yang terlibat dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka.

Tuan Law Hieng Ding: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 2 kes pembuangan buangan terjadual yang dapat dikesan berlaku di kawasan pantai laut negara, iaitu di Pantai Remis, Perak Darul Ridzuan dan di Tanjung Penggelih, Johor Darul Ta'zim. Adalah disyaki pelupusan di Pantai Remis berpunca dari kilang, manakala kejadian di Tanjung Penggelih dipercayai berpunca dari kapal tangki minyak. Penyiasatan masih diteruskan bagi kedua-dua kejadian di Pantai Remis dan di Tanjung Penggelih.

AIDS—KAWALAN

16. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa Kerajaan telah mengumumkan untuk menyekat ejen-ejen pelacuran daripada memasuki Malaysia sebagai langkah untuk mencegah AIDS:

- (a) adakah Kerajaan bersetuju menarik balik sekatan ini jika didapati masalah AIDS terkawal di masa akan datang; dan
- (b) adakah langkah ini bermakna Kerajaan menghalalkan pelacuran dalam negeri terus berkembang berikutan dengan sekatan pelacuran yang diimport.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Dato' K. Kumaran): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada Soalan Mulut oleh Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21hb Oktober, 1991.

PELANCONG ASING— PEMERIKSAAN DARAH DI LAPANGAN TERBANG

17. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan pemeriksaan darah di setiap lapangan terbang di negara ini kepada pelancong-pelancong asing untuk mencegah pembawa kuman penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan (AIDS). Jika benar, bilakah akan dilaksanakan.
- (b) jumlah bilangan pelancong asing yang telah dikenalpasti pembawa kuman AIDS; dan

- (c) jumlah bilangan rakyat negara ini yang telah dikenalpasti yang sedang menghadapi penyakit ini sehingga September 1991 dan jumlah bilangan yang telah meninggal dunia.

Dato' K. Kumaran: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada Soalan Mulut oleh Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21hb Oktober, 1991.

BAYARAN BORANG KERAJAAN

18. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pembayaran untuk menggunakan borang bagi permohonan dalam bidang Kuasa Persekutuan akan diseragamkan seluruh negara atau membenarkan Kerajaan Negeri masing-masing untuk ditetapkan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya telahpun memberi jawapan kepada soalan ini dan memberikan penjelasan dengan panjang lebar kepada soalan-soalan lain yang berkaitan, semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat drai Kota Melaka pada 21hb Oktober, 1991. Dengan itu, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa penjelasan lagi.

AIDS—UJIAN PENGHUNI PENJARA

19. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada cadangan untuk mengadakan ujian penyakit AIDS ke atas para penghuni penjara di seluruh negara (nation-wide AIDS test on prison inmates) sudah dijalankan. Kalau sudah, apakah hasil kajian itu.

Dato' K. Kumaran: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada soalan ini telahpun saya buat dalam jawapan saya kepada Soalan Mulut oleh Yang Berhormat Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad dari Parit Sulong pada 21hb Oktober, 1991.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1992

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1992

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1992 dan Anggaran Pembangunan 1992 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kedua*)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9, B.10, B.11, B.12, dan B.13 (Jadual)—

Maksud P.7, P.8 (Anggaran Pembangunan 1992)—

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula Kepala Bekalan B.1 hingga 13 dan P.7 dan P.8 di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Arau, sila sambung.

3.38 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, sebagai ulang tayang daripada ucapan semalam, saya telah menyentuh beberapa perkara.

Yang pertamanya, saya sentuh tentang kedudukan Wakil-wakil Rakyat Barisan Nasional yang kita rasa lebih banyak berkorban dibandingkan dengan Wakil Rakyat DAP dan juga Pembangkang.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, perkara itu di bawah peruntukan mana? Di bawah peruntukan apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Di bawah Parlimen.

Tuan Pengerusi: Tidak, Yang Berhormat. Dia bukan bersangkutan dengan duit-duit yang telah diperuntukkan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Jadi, saya mengulang balik perkara yang dibangkitkan semalam, yang dibenarkan. (*Ketawa*)

Parlimen ini diwakili oleh Wakil Rakyat, Tuan Pengerusi. Yang kedua, saya sentuh di bawah Parlimen juga tentang sistem perbahasan yang ada di Parlimen yang kita minta ditimbangkan dalam bentuk 2: 1 sebab kita Barisan Nasional lebih besar dan mempunyai majoriti daripada Pembangkang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh bahawa selama ini saya tengok dalam 3 Penggal yang kemudian ini kita membenarkan dalam masa kita berbahas, pembahas membaca. Jadi, kalau dia baca, dia bukan bahas, dia baca. Sebenarnya dia patut bahas, dia tidak boleh baca. Ini termasuk dalam Peraturan Parlimen yang saya ingat perlu dikuatkuasakan semula. Dengan itu, kita boleh mendengar perbahasan. Kalau pembacaan, saya ingat di mana-mana pun boleh baca. Yang patut baca

ini, Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen kena baca, takut silap pula. Kita harus bahas. Macam Kepong, walaupun dia pandai, kadang-kadang dia banyak baca. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, semalam saya juga menyentuh fasal kedudukan Peraturan Perkhidmatan Parlimen 1963 yang dipinda hanya sekali iaitu saya minta diadakan garis pemutus, garis panduan yang khusus berhubung dengan kedudukan Pentadbiran kita, berhubung dengan Kerusi Speaker, Kerusi Tan Sri, Tan Sri itu nama orang tetapi Kerusi yang ini penting. Kerusi Speaker dan juga Setiausaha, mesti ada garis pemisah. Yang ini, saya cuba cari istilah dari semalam tidak dapat. Garis pemisah supaya Pentadbiran Parlimen berjalan dengan elok. Sebab sekarang ini semua orang tahu Parlimen ini ada sedikit masalah pentadbiran berhubung dengan Setiausaha dengan Kerusi Speaker. Semua orang tidak hendak bercakap, mereka kata ini mesti diselesaikan secara elok. Mana boleh? Ini adalah masalah yang terjadi yang melibatkan kita semua Ahli Parlimen dan juga Pentadbiran Parlimen. Tan Sri, dia tidak boleh bercakap, dia cuma Speaker. Saya boleh bercakap, sebab saya Ahli Parlimen.

Kalau sekiranya tidak dapat ditentukan garis pemisah, kalau sekiranya ada pihak tertentu mengatakan dia mempunyai kuasa dan sebagainya, perlu dipinda Perlembagaan, sebab kita mengikut sistem Parlimen British, cuma kita cedok-cedok sahaja. Macam Setiausaha bagi Parlimen, perlantikannya dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong. Kalau kita ada masalah, katalah kita hendak mengambil tindakan dan sebagainya, kita terpaksa melantik 5 Hakim sebagaimana berlaku kepada Ketua Hakim Negara, terpaksa dibuat macam itu. Ini satu perkara yang lucu yang tidak pernah diambilkita—"bahadoi", ini bahasa sebelah utara,

kena dipakai semula—tidak pernah diambilkita bahawa perkara ini penting.

Kalau sekiranya kita perlukan Parlimen ini dibuat sistem perkhidmatan terbuka, kita buat terbuka untuk membolehkan, mungkin sumbangan yang lebih dan sebagainya. Ini perkara-perkara yang saya sebutkan semalam, yang ini saya minta betul-betul, banyak yang saya cakapkan kadang-kadang sahabat saya sebelah sana tidak jawab. Saya minta dijawab dan minta bila kita hendak buat, sebab ini penting, DAP pun menyokong saya tentang perkara ini, Pembangkang tidak mahu, sebab kita semua menghormati Kerusi Speaker supaya tidak berlaku masalah dalam pentadbiran Parlimen.

Kemudian saya hendak tambah, Tuan Pengerusi, kita bersetuju peralatan yang ada di sini ialah peralatan walaupun yang ada itu baik tetapi peralatan lama. Kita minta diubahsuai dan dinaikkan taraf. Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan rekod *Hansard* kita, daripada tahun 1955 sampai sekarang disimpan secara manual. Saya rasa ia akan rosak, tidak lama lagi ia akan rosak dan kita tidak ada rekod- rekod. Arkib Negara pun tidak ada rekod perkara ini. Yang ada cuma di Parlimen yang saya pergi tengok sendiri disimpan di shelf-shelf yang saya rasa tidak lama lagi akan rosak. Ramai Ahli-ahli Parlimen yang sudah meninggal dunia, kita hendak baca balik, hendak tengok macam mana mereka berbahas dan rekod ini cukup penting. Saya rasa sudah sampai masanya semua pihak memperhatikan perkara ini. Jangan sesudah rosak barulah orang hendak ambil perhatian. Jangan selepas Sri P. Ramlee mati, barulah orang hendak beri penghormatan dan sebagainya. Masa hidup, biar dia susah. *Hansard* ini juga macam itu, kita beri perhatian semasa ia masih elok sedikit supaya kita upgradekan dengan sistem penyimpanan ber-

komputer ataupun dengan bentuk mikrofilem supaya ianya dapat bertahan sampai ke anak cucu dan juga sistem simpanannya juga ialah sistem tahan api dan sebagainya perlu diambil kira. Ini saya rasa pihak Parlimen telah berkali-kali memohon kepada Treasury.

Walaupun kita di sini membuat undang-undang dan sebagainya, tetapi kena pohon kepada Treasury dan Treasury akhirnya sebagaimana biasalah, akan menolak dahulu dan timbang kemudian. Ini sudah tidak boleh lagi, ini cerita yang cukup penting dan perlu diberi perhatian segera.

Akhir sekali fasal Parlimen ini, sebab ini penting disebut iaitu mengenai Tower Block. Semua orang ada bilik, Bayan Baru pun ada bilik tetapi dia tidak hendak pergi, Kepong pun ada bilik tetapi tidak hendak pergi.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Bayan Baru bangun.

Tuan Ahmad bin Nor: Itu tuduhan liar. Saya berkali-kali sudah naik, dia kata saya tidak pernah masuk. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak apalah, baguslah. Tetapi tiap-tiap kali saya pergi saya tidak pernah jumpa dia, jadi saya anggap dia tidak pernah pergilah. Ramai orang jarang ke sana. Jadi saya ingat maintenance dan ada pula yang kata ada hantu dan sebagainya, ini satu perkara yang kurang baik, maintenance air, api dan sebagainya cukup tinggi. Apa salahnya kita tukarkan Tower Block ini, DAP akan bersetuju dengan saya, jadikan sebagai hotel kelas tiga atau apa-apa yang boleh dan dengan ini saya ingat penggunaannya lebih tepat dan sesuai.

Ini masa Parlimen sahaja kita datang, kita gunakan bilik-bilik itu dan jarang orang pergi dan ada kawan-kawan saya yang sudah empat penggal menjadi Ahli Parlimen tidak pernah tengok pun dekat mana biliknya, tidak tahu nombor pun dan tidak tahu di mana hendak ambil kunci pun. Jadi ini bermakna perhatian kurang diberi, maka kita perlu memaksimumkan kegunaan bilik-bilik itu. Kita tukarkan menjadi hotel atau tempat penginapan yang saya ingat elok sebab Ahli-ahli Parlimen banyak komplek fasal harga hotel naik. Kita duduk di sinilah beramai-ramai dan kita boleh berbincang, DAP pun boleh buat pre-council dengan Barisan Nasional supaya tidaklah banyak keluar bahasa-bahasa kesat dan sebagainya. Ini adalah satu cadangan yang baik yang kita minta diberi perhatian. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi, saya ingat begitulah cadangan saya berhubung dengan Parlimen dan kita minta perkara ini diberi perhatian yang serius. Kita tidak mahu tempat yang kita sama-sama untuk menggunakan fikiran kita dan oleh sebab tempat ini tempat yang elok, suasana perbincangan yang elok, dengan itu kita pun boleh memberi fikiran yang bernas termasuk pentadbiran Parlimen juga elok.

Keduanya, saya masuk terus di bawah Jabatan Perdana Menteri yang sepatutnya dibincangkan iaitu yang pertamanya saya ingin sentuh di bawah Butiran 010200—Kabinet. Kabinet kita ini mengikut rekod dan laporan yang saya ada, mengadakan mesyuaratnya di luar, ini saya baca dalam akhbar, di Sarawak sekali, satu di Langkawi dan lagi satu di Melaka. Tiap-tiap kali Kabinet pergi ke negeri-negeri tersebut, dia berlainan dengan lawatan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri—tetapi kalau satu Kabinet pergi, dia lain. Itu sebab sekali Kabinet pergi Sarawak habis kita tawan Sarawak, sampai DAP hendak bernafas pun sudah tidak boleh,

kita pergi Melaka dan sebagainya. Kita minta sekurang-kurangnya sekali mesyuarat Kabinet ini diadakan di negeri-negeri. Saya tahu, umpamanya kalau hendak buat mesyuarat di negeri Perlis, dia terpaksa membuat hotel tambahan, hotel tidak cukup. Jadi dengan itu Perlis dapat tumpang tuah perkara itu. Kalau sekiranya hendak tunggu pergi ke negeri-negeri yang semua ada kemudahan, jadi rosak.

Saya ingat kalau datang ke Perlis, kalau tidak cukup tempat penginapan, saya akan buat khemah bagi mereka duduk. Sekiranya mereka mengadakan mesyuarat di negeri-negeri yang berkenaan saya percaya banyak benda-benda yang boleh diberi tumpuan. Ini saya minta, ini cuma permintaan supaya Kabinet yang mengadakan mesyuarat minggunya supaya salah satu mesyuaratnya dibuat sekurang-kurangnya satu bagi tiap-tiap negeri untuk membolehkan supaya pendekatan secara berpasukan di pihak Kabinet itu dalam menyelesaikan tugas negara dapat dibuat di negeri-negeri. Negeri-negeri yang telah mereka lawati termasuklah Langkawi, Melaka, Sarawak dan sebagainya, saya percaya telah banyak perubahan dibuat dan mereka dapat.

Saya juga minta ditambah mesyuarat Kabinet ini untuk negeri-negeri yang kita rasa ada masalah. Ada dua buah negeri yang ada masalah utama kepada kita iaitu Sabah dan juga Kelantan. Ini masalah besar. Saya ingat boleh terapkan sedikit, mungkin tiga kali buat mesyuarat, akhirnya rakyat akan memerhatikan bahawa betapa penting Kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang perlu dipertahankan dan selepas ini rakyat akan bergembira semula sebab kalau Pembangkang memerintah negeri, susah kita, rakyat susah, semua orang susah dibuatnya.

Saya ingat biar Barisan perintah, ada Pembangkang sedikit, jadi senang kita hendak menyalurkan pembangunan,

senang kita hendak salurkan peruntukan, tidak timbul masalah. Apa untungnya kalau ada Pembangkang? Tidak ada untung apa-apa. Yang untung cuma boleh membangkang, itu sahaja, dan untuk melaksanakan undang-undang baru, tidak ada undang-undang baru yang dibuat. Undang-undang Islam yang dikata diperkenalkan, itu kita sudah buat lama, cuma kita terapkan sedikit demi sedikit. Cuma sekarang ini publisiti itu lebih sedikit, sebab yang mengemukakan itu, kalau saya sendiripun kalau saya kata hendak buat berhubung dengan undang-undang Islam orang tidak nampak, tetapi kalau Ustaz Pak Nik ini, dia cakap sedikit, walaupun kadang-kadang tidak betul, orang percaya, mereka kata, ini datangnya daripada Ustaz. Kalau saya, kalau betulpun orang kata, "ini apa, ini kaki merapu". Jadi susah.

Walau bagaimanapun, apa yang dibuat oleh Kerajaan sudah lama, cuma penerapannya dibuat perlahan-lahan. Itu berhubung dengan Kabinet, Tuan Pengerusi.

Kemudian, yang keduanya saya hendak sentuh Butiran 010500 Biro Pengaduan Awam. Kita setuju dengan cadangan kawan-kawan semalam kerana banyak cadangan yang membina. Saya menyokong walaupun ada sedikit cadangan daripada DAP yang saya ingat ada sedikit bagus, cuma dia tidak dibuat secara menyeluruh iaitu Biro Pengaduan Awam ini penting dan kalau sekiranya kita memikirkan Biro ini tidak penting, kita kena tutuplah. Tetapi saya rasa Biro ini penting. Oleh kerana penting dia mesti diletakkan pegawai-pegawai yang penting. Kalau pegawai Superscale G—ini peraturan dalam Parlimen, Yang Berhormat Bayan Baru tahu bukan? Hendak tegur Superscale F pun tidak berani. Tambah hendak tegur Superscale A, K.S.U. atau Ketua Jabatan, tak ada harap punya. Jadi letakkan pegawai yang mempunyai

kedudukan yang berwibawa dan mempunyai authority tertentu.

Macam pegawai BPR, walaupun dia Timescalekah ataupun dalam B category, dia pergi jumpa Superscale A pun, Superscale A kira menggeletar tangan. Sebab dia ada authority. Walaupun saya bawa kereta tetapi kalau polis biasa tahan kereta dan minta lesen, saya juga menggigil. Jadi makna kata kita mahu supaya Biro Pengaduan Awam itu pegawai-pegawainya berauthority macam itu. Jadi senang kalau dia tulis surat kepada K.S.U. dan sebagainya atau kepada mana-mana pegawai tinggi, dia adalah sedikit membawa kesan. Saya pernah menjadi pegawai dahulu.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ada taring.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ada taring. Itu bahasa yang paling tepat. Saya pernah jadi pegawai dulu. Saya tahu benda ini dan saya pernah dihantar oleh Biro Pengaduan Awam—ini adalah komplek; saya Pegawai Kemajuan Negeri. Ini ada komplek dari orang ramai. Saya kata "Tidak apalah kalau komplek dari orang ramai. Saya pun tahu, orang komplek dekat saya lama sudah. Saya pun sudah jawab." Saya jawab.

Tetapi di pihaknya dia tidak dapat hitam-putih. Saya sendiri saya sudah selesailah, saya sudah jawab dengan orang kampung. Apa saya hendak jawab dekat dia lagi. Sebab yang tulis itu tengok saya sudah tinggi sedikit, Senior Timescale. Yang tulis itu Timescale. Apa ini hendak act dengan saya. Jadi orang yang tulis tidak ada taring. Tetapi kalau BPR tulis dengan lain-lain jabatan yang berauthority seperti Jabatan Hasil Dalam Negerikah tulis surat, berpeluh juga kena cari duit hendak bayar, Tuan Pengerusi. Jadi kita mahu supaya Biro ini dia authority. Kalau tidak, kita tukarkan masuk di

bawah BPR yang ada authority. Satu seksyen di BPR itu dijadikan Bahagian Pengaduan Awam. Itu senang. Jadi, pegawai-pegawainya pun seronok hendak buat kerja, Tuan Pengerusi.

Jadi yang kita hendak tekankan di sini, sebab ini Perdana Menteri pun selalu tekan iaitu masalah kualiti dan sebagainya, supaya bila kita buat dia ada kesan. Jangan kita buat setakat hendak melepaskan syarat bahawa ini orang mengadu kita ambil tindakan.

Mereka ini pula mestilah juga orang-orang yang berwibawa dan berpengalaman bekerja dan bukan pegawai-pegawai baru. Kadang-kadang komplek itu datang dia tidak payah pergi hantar kepada jabatan dia sendiri boleh selesai. Jadi dihantar itu kalau dia fikir dia tidak boleh selesai. Makna kata Biro ini cukup penting. Kita cari orang yang berpengalaman dan Biro ini kita jadikan satu badan yang berauthority.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh mengenai Urusetia Lembah Kelang. Tetapi ini walaupun boleh dicakap di bawah tajuk Bandaraya tetapi kita hendak sedikitlah, sebab ini dia melibatkan perancangan Lembah Kelang.

Ini saya dapat laporan daripada sahabat-sahabat saya dan pegawai-pegawai saya. Kita tahu di Kuala Lumpur ini dan saya minta pihak Urusetia Lembah Kelang ini sama-sama beri perhatianlah. Di Kuala Lumpur ini nampaknya sudah ada "kerosakan dalam" yang mencemarkan nama Kuala Lumpur. Contohnya, ini kawan-kawan saya beri. Saya tidak pernah pergi ke tempat ini. Chow Kit Road, Sungai Besi, Kepong; Kepong ada juga? Kepong pun ada. Saya pun hairan macam mana dia tulis Kepong. Ini di antara kawasan-kawasan yang terdapat "kerosakan dalaman". Ada timbul soal-soal jenayah yang tinggi dan penggunaan dadah.

Saya beri contoh di Chow Kit Road dia ada satu jalan diberi nama Jalan Haji Taib. Kalau kita masuk ke jalan itu, ya Allah! Jalan nama Haji Taib. Kalau jalan dinamakan Jalan Haji Pak Nik pun dengan adanya aktiviti-aktiviti yang berlawanan dengan nama "Haji" macam mana kita rasa? Mungkin apa yang saya cakap ini orang ketawa, kerana cara presentation saya boleh menyebabkan orang ketawa. Tetapi ini serius. Tolong ambil perhatian secara serius perkara ini. Sebab nama "Lorong Haji Taib" tetapi di situ banyak perkara-perkara yang "pak haji" tidak boleh buat. Ada perjudian haram. Ada pelacuran haram. Ada dadah haram. Banyak benda-benda yang haram berlaku. Jadi kalau boleh, kalau sekiranya kita fikir mungkin sekarang ini perancangan sudah tidak boleh dibuat, tukar sahajalah nama "Haji Taib" dan bubuh nama lain. Nama yang sesuai. "Jalan Haram" kah. Senang, supaya orang puas hati. Ini jalan berdosa punya.

Ini Jalan Haji Taib. Kalau kita tengok, kita pun malu. Saya sendiri tidak pernah pergi, saya ingat kita boleh pergi sekali, kita tengok betul atau tidak betul tentang tuduhan ini. *(Ketawa)*

Demikian juga tempat-tempat lain yang saya tengok seperti di Kepong, Sungai Besi dan sebagainya perlu diberi perhatian dalam bentuk perancangan yang menyeluruh. Ini penting. Kita tidak mahu kerana dua tiga tempat ini dia boleh merosakkan nama baik Kuala Lumpur yang sudah cemerlang. Walaupun kawasan Kuala Lumpur ini banyak ditawan oleh DAP, tidak apa. Yang penting Kuala Lumpur ini patut kita jaga supaya masalah "kerosakan dalaman" itu jangan menjejaskan nama baik Kuala Lumpur secara keseluruhan. Sebab kita tidak mahu terjadi macam sesetengah tempat. Kalau kita pergi ke New York, ada "Jalan 44". Kerana Jalan 44, New York yang cantik itu sudah rosak namanya.

Kita pergi mana-mana tempat kerana satu jalan seperti di London kerana "SOHO" the red light area itu sahaja, London sudah rosak! Kita tidak mahu kalau datang ke Kuala Lumpur kerana "Jalan Haji Taib", "Chow Kit Road" kah, rosak nama Kuala Lumpur. Tidak mahu. Jangan ada orang turun airport sahaja orang kata "minta bawa saya pergi Jalan Haji Taib, Chow Kit Road." Kita tidak mahu benda itu terjadi. Kita mahu dia tunjuk tempat-tempat seperti Kuala Lumpur ini tidak ada benda-benda yang semacam ini. Ini patut diberi perhatian.

Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap dalam masa setengah jam sahaja. Ini pasal Biro Tata Negara. Ini penting. Ini banyak ditimbulkan oleh sahabat-sahabat saya semalam, terutamanya Bayan Baru. Saya cukup kesihan kepada semua pihak, saya hendak beritahu....

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Bayan Baru bangun Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya belum habis lagi.

Tuan Ahmad bin Nor: Dia ini sudah merepek! Dalam ucapan saya, cuba buka *Hansard*, saya tidak sentuh langsung tentang Biro Tata Negara. Saya ada menyentuh tentang Bina Semangat....

Seorang Ahli: *(Menyampuk)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak ada...tidak ada! Itu lain. Itu di bawah tajuk dan Butiran yang lain. Ini tidak faham!

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya mula-mula tadi kasihan satu. Sekarang saya lagi bertambah kasihan, sebab

Biro Tata Negara dengan Bina Semangat samalah. Ini orang Barisan Nasional fahamlah. Ini hendak terang kepada DAP.

Ini pasal Biro Tata Negara, di bawah tajuk Bekalan Pembangunan. Tentang program Kem Bina Semangat saya tidak payah sebut sebab dia sudah merangkumi. Dia ada hubung-kaitnya. Jadi sekarang saya kasihanlah kepada saudara-saudara saya di sana.

Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu dan Kerajaan pun setuju dengan saya. Saya pun penyokong Kerajaan, Kerajaan mesti setuju dengan saya bahawa tanpa Biro Tata Negara, tanpa program Bina Semangat, Barisan Nasional boleh menang pilihanraya. Jadi Biro dengan Kem Bina Semangat ini bukan alat untuk Barisan Nasional atau UMNO untuk hendak menang pilihanraya.

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempegerusikan Jawatankuasa)*

Malah dahulu pun tahun 1955, Biro ini ditubuhkan baru pada tahun 80an. Kita menang tidak berhenti, berterusan. Tanpa berhenti-henti, Perikatan lepas itu Barisan Nasional, menang. Tanpa Biro. Tetapi tujuan Biro Tata Negara dan juga program Kem Bina Semangat ini diadakan ialah untuk membolehkan kita melatih rakyat Malaysia supaya cinta kepada negara, cinta kepada bangsa Malaysia, cinta kepada Bahasa Malaysia, cinta kepada pemimpin Malaysia—buat apa ada pemimpin!

Saya kalau DAP jadi Perdana Menteri esok, saya akan latih diri saya supaya cinta kepada DAP. Kalau dia jadi Perdana Menteri lah, mungkin dekat hari kiamat esok, mana tahu. Tetapi buat masa sekarang wakil Barisan Nasional jadi Perdana Menteri, hormatilah dia.

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bayan Baru bangun Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Bukankah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Arau itu merupakan orang yang bersifat seperti lalang. Kalau esok DAP menang jadi Kerajaan, dia masuk DAP. Sekarang Barisan Nasional, dia duduk dalam Barisan Nasional. Ini satu sikap yang saya rasa tidak sihat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tadi saya kasihan, sebab dia tidak tahu, tetapi sekarang ini saya kesal, sebab dia bodoh. (*Ketawa*)

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Ahmad bin Nor: Point of order 36(6).

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya kata hormat, bukan saya kata....

Tuan Ahmad bin Nor: 36(6). Sila tarik balik tuduhan bodoh, kalau tidak, saya hendak katakan, dia lagi bodoh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bukan kata dia bodoh, saya kata, saya amat kesal kalau dia bodoh.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dalam *Hansard* kelmarin you tuduh saya kata menyeleweng, you tidak kalau kalau pun, hari ini saya pun tukar 'kalau'. Baca balik *Hansard* semalam. Saya kata, kalau dia bodoh. Kalau dia rasa dia bodoh, okaylah, no problem. Kita hormatlah bodoh dia itu. Saya kata kita menghormati Kerusi itu. Saya ini mati hidup balik pun duduk tempat inilah, tidak bergerak dah. Kalau tidak, tidak

boleh dilantik menjadi Pengerusi Backbencher. Itu kira kuat kalau hendak dibandingkan dengan Pembangkang, saya lebih kuat, sebab saya mempunyai penyokong ramai. Tetapi dia dapat elaun Ahli Pembangkang \$3,000 tetapi saya tidak dapat. Tetapi tidak apalah elaun baru nanti kita akan dapat semua. Saya hendak tunjuk bahawa kita menghormati Kerusi itu. Jadi, kalau Perdana Menteri itu DAP—Mohd. Nor menjadi Perdana Menteri, kita hormati dia, tetapi hendak masuk kepada dia, sorrylah, minta ampun.

Demikianlah yang jadi Perdana Menteri ialah Dr Mahathir dan kita kena hormati Kerusi Perdana Menteri. Kalau Haji Hadi jadi Perdana Menteri, kita bukan kira Haji Hadi, tetapi kita kira Kerusi Perdana Menteri dan kita mahu rakyat luar nampak bahawa rakyat ini begitu menghormati pemimpin, bukan kurang ajar dengan pemimpin, tidak baik. Kalau sekiranya DAP pergi ke luar negeri, tanya fasal Malaysia—puji Malaysia. Tetapi kami ini Pembangkang, kami akan bangkang, tetapi Malaysia negara yang bagus, ditadbir dengan baik. Ini kalau pergi ke luar negeri, Malaysia tidak guna, termasuklah Bar Council tidak guna dan macam-macam tuduhan yang di buat kepada Kerajaan, tetapi duduk cari makan di negara ini. Di mana bumi kita berpijak, dimana langit kita junjung, kita harus bersifat sebagai manusia. Sifat sebagai manusia ialah kita menghormati tempat yang kita cari makan dan tempat yang kita duduk.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): PAS bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Jamil bin Wan Mahmood: Saya hendak tanya sedikit. Yang Berhormat itu bercakap di bawah Butiran berapa?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Biro Tata Negara—Butiran 010800. Sebenarnya Yang Berhormat, saya pakar dalam Bahagian ini. Sebelum saya bercakap, saya cover diri saya dahulu, lepas itu saya pusing tajuk lain, macam mana pun susah, Speaker pun tidak boleh tegur, sebab saya more or less specialise. Jadinya kita mahu supaya Biro Tata Negara ini peruntukan yang diberi sebanyak \$3 juta dan juga peruntukkan Kem Bina Semangat di bawah bekalan itu yang diberi sebanyak \$24 juta, yang dipertikaikan semalam ditambah, bukan dikurangkan.

Kita mahu kali ini, sebab ini permintaan DAP di mana kelmarin dia kata kalau dia hendak hadir kursus, tentulah Kerajaan tidak terima. Saya minta dia diberi keutamaan. Semua orang DAP yang berminat hendak pergi kursus beri keutamaan. Kalau boleh masa itu, saya jadi jurulatih bahagian bina semangat. Itu lebih tepat lagi dan saya akan latih mereka supaya menjadi manusia yang betul-betul mantap, tahan lasak dan cinta kepada negara. Hendak bangkang, bangkang—setakat mana hendak bangkang, bangkanglah. Sampai sekarang ini tidak tidak tahu apa yang hendak bangkang—bangkang. Yang penting jiwa kita supaya anak-anak DAP, anak-anak Barisan Nasional cinta kepada negara dan hidup dalam rukun dan damai. Ini kita tegur kepada Kementerian Pendidikan. Masalah perkauman yang berlaku di sekolah, macam mana. Kadang-kadang anak-anak sekolah datang tetapi kita tunjuk perangai yang tidak baik, sebut bahasa-bahasa yang tidak betul, kadang-kadang timbul soal perkauman di Parlimen ini sendiri. Selepas itu hendak tegur Kerajaan.

Kami dengan DAP tangan sentiasa terbuka dan datang minum bersama-sama, tetapi tempat kita minum dia tidak hendak datang. Kita hendak cakap fasal perpaduan di sini tetapi diri sendiri pun tidak berpadu. Kami orang

yang sentiasa terbuka untuk berpadu, tidak mahu bergaduh, tetapi soal-soal prinsip.....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau, Bayan Baru bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Pengerusi, saya ingin tahu, adakah orang-orang yang menentang Kerajaan, yang anti Barisan Nasional adalah orang-orang yang tidak mencintai negara Malaysia. Apakah itu maksud beliau?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya sebut tadi cukup terang dan jelas. Pada masa sekarang ini tidak payah kita tanya, di depan mata kita nampak mereka tidak cinta kepada pemimpin, tidak hormat pemimpin dan dalam keadaan-keadaan tertentu tidak cinta kepada negara. Ini dibuktikan di depan mata kita seperti yang dibuat oleh pihak Pembangkang—sesetengah pihak Pembangkang. Kalau sekiranya mereka berada dalam DAP, DAPlah yang terlibat dan kalau sekiranya berada dalam BEBAS, BEBASlah yang terlibat. Jadi, terpulanglah. Saya sebutkan di sini ialah yang pentingnya penekanan harus diberikan kepada semangat cinta—ini bukan saya hendak cakap, hendak perli atau hendak perlai, tidak. Ini secara ikhlas. Malaysialah tempat kita hendak cari makan, carilah dalam dunia ini macam mana yang kita dapat di Malaysia ini, susah hendak dapat. Kita jalan tengah malam pun orang tidak ganggu kita, kita naik teksi tengah malam pun, hendak pergi manapun, tidak orang-orang yang ganggu, tetapi cuba buat macam ini di tempat-tempat lain.

Saya sudah pergi dua tiga tempat tetapi saya hendak keluar malam pun tidak berani. Sekarang di Germany pun, kalau berani pergi, pergilah. Dia tengok muka macam ini, geng kepala botak,

mula dah, geng neo-Nazi datang mencari kita. Itu kita fikir. Di Malaysia tidak ada macam itu—walau pun ada sedikit pertelagahan sana sini tetapi tidak jadi macam itu. Cuma sekarang kita hendak tukar sedikit pemikiran sahabat-sahabat saya di sebelah sini supaya cinta kepada negara, hormat kepada pemimpin.

Saya hormat kepada pemimpin DAP, PAS dan 46. Saya hormat dan saya minta mereka pun hormat kepada pemimpin saya. Bukan pemimpin saya tetapi pemimpin negara, Kerusi yang dipegang itu. Kalau Kerusi itu Kerusi Speaker, kita kena hormati Kerusi Speaker walaupun dia bernama Ong Tee Keat—kita kena hormat. Kia tidak boleh anggap sebab nama dia Ong Tee Keat, kita tidak hormat, tidak boleh. Macam DAP buat itu, salah. Tetapi semua ini saya rasa kena pergi kursus Biro Tata Negara dahulu, baru boleh ditukar fikiran untuk cinta atau menghormati orang. Jadi, Biro ini penting ditambah peruntukannya.

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh sedikit dalam masa 5 atau 10 minit, sebab ramai kawan-kawan saya yang hendak bercakap iaitu berhubung dengan Bahagian Istiadat—Butiran 010900. Bahagian Istiadat ini ialah, yang pertamanya, istiadat berdasarkan kepada sejarah, yang keduanya istiadat yang diadakan berdasarkan kehendak masa. Tetapi saya tengok walau apa pun dibuat, dia ada sedikit ketidakseimbangan berhubung dengan istiadat ini, terutamanya dari segi protokol. Dari segi kita menggunakan bahasa-bahasa. PAS bersetuju dengan saya. Kadang-kadang bahasa-bahasa yang kita gunakan di Istana itu tidak sesuai dan bertentangan dengan Islam. Ini kenyataan dari Menteri Besar Kelantan. Jadi, Bahagian Istiadat ini, saya ingat sudah sampai masanya untuk memikirkan bahasa-bahasa yang tepat, sebab kadang-kadang bahasa yang kita gunakan boleh merosakkan jika manusia.

Anak-anak saya selalu bertanya, dia tanya—bila yang kita jadi hina. Budak-budak ini kita kena gunakan bahasa yang tepat “patek pacal yang hina—yang hina ini fasal apa. Fasal apa kita jadi hina. Jadi lecehlah kalau hina ini. Makna kata harus difikirkan, benda ini orang tidak berani tegur, sebab dia ada hubungan dengan Raja-raja dan saya hendak beri amaran, oleh sebab ini sudah sebut fasal Raja ini kepada pihak Pembangkang, terutamanya berhubung dengan isu-isu Raja-raja yang dibangkitkan oleh UMNO. Ini soal kita. Tidak payah campur dan tidak payah gunakan kesempatan untuk hendak jadi hero kononnya benda ini tidak boleh timbul. Saya boleh bangkitkan satu persatu kenyataan sahabat-sahabat saya itu yang mereka bercanggah dengan ucapan mereka. Mereka kata hendak menentang penyelewengan, tetapi dalam masa yang sama mereka cuba hendak hadi hero pada pihak yang berkenaan. Tidak payah. Ini jangan campur. DAP jangan campur, PAS dan 46 jangan campur. Ini biar kita uruskan, sebab matlamat kita bukan hendak beri malu kepada sesiapa, matlamat kita ialah untuk menentukan garis panduan kuasa yang telah disebutkan oleh DAP dan juga pihak pembangkang berhubung dengan penyalahgunaan kuasa. Ini kita hendak betulkan, sebab UMNO dan juga Barisan Nasional yang pemerintahan sekarang, kita hendak betulkan, jangan campur dan jadi hero. Ini amaran keras.....

Tuan Ahmad bin Nor: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Bayan Baru.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya cuba hendak mengingatkan kawan kita dari Arau, ini Malaysia bukan hak UMNO sahaja dan orang Melayu bukan dalam UMNO sahaja. Jangan ingat kalau sudah UMNO boleh buat sesuka hati

berhubung dengan kedudukan Raja-raja di negara kita ini, yang lain tak boleh bersuara. Saya harap lain kali kalau DAP, PAS atau 46 bercakap tentang kedudukan Raja-raja, UMNO jangan campurtangan. Itu adil. Kalau cakap jangan suruh kita campurtangan sekarang, itu baru adil. Saya takut kalau DAP cakap, dia kata sensitif. Dia nanti buat tanggapan-tanggapan yang liar. Jadi kalau UMNO bercakap, semuanya baik, kita tak boleh campurtangan. Saya rasa orang-orang UMNO sekarang sudah banyak derhaka kepada Raja-raja. Itu mesti diambil ingatan. Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau sekiranya menuduh kita derhaka, kalau perkataan 'derhaka' dipakai, derhaka ini salah, dia hendak kena ini, ini kurang ajar. Derhaka ini ada, sekejap lagi dia kena, cuma saya tak sempat buka sahaja, tetapi derhaka tak boleh pakai. UMNO tidak pernah derhaka kepada Raja-raja dan UMNO tidak pernah pada bila-bila masa untuk hendak tukar sistem Raja Berperlembagaan sekarang dan UMNO tidak pernah pada bila-bila masa sekalipun mencabar Sultan di mahkamah yang pernah dibuat dengan secara kurang ajar (*Tepuk*) dan begitu tidak sopan oleh pihak DAP. Inilah orang yang paling derhaka, bangsat, tak guna, kurang ajar, semua sekali, itu yang patut diberi, siapa yang derhaka?

Kita hendak cakap tajuknya fasal penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan kita timbulkan fasal Raja-raja. Itu tajuknya. Bukan kita hendak ubah sistem Beraja, bukan kita hendak derhaka. Kita juga hendak menyahut seruan DAP, 46, PAS dan sebagainya supaya jangan ada penyelewengan, jangan menyalahgunakan kuasa. Sebab dalam keadaan tertentu yang kita timbulkan itu ada hubungkait dengan Raja-raja, tetapi tiba-tiba ada orang cuba hendak menanggung di air keruh, ada orang cuba hendak jadi hero, cakap

yang UMNO ini menentang Raja-raja. Ini perbuatan yang salah. Orang Islam sendiri, apa hukum orang yang macam ini, saya tak tahu.

Saya minta orang PAS tolong beri fatwa fasal 46 bercakap hari itu yang dalam masa yang sama dia menentang penyelewengan, penyalahgunaan kuasa. Bila UMNO timbulkan fasal tajuk itu ada hubungkait dengan Raja-raja, dia cari kesempatan, termasuk Bayan Baru. You jangan cakap sebarang cakap tau! UMNO tidak pernah derhaka dan UMNO tidak pernah mencabar Sultan di mahkamah seperti yang dibuat dengan penuh kurang ajar oleh pihak DAP yang mencabar Sultan di mahkamah. Dan UMNOlah yang memulihkan kedudukan Raja-raja dan mewujudkan, menyokong, mengadakan sistem Raja Berperlembagaan yang ada sekarang. Dengan itu, sekurang-kurangnya dia ada sedikit rights atau haknya untuk sama-sama membetulkan keadaan.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya sedikit Yang Berhormat. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan apakah ada di kalangan Raja-raja kita yang telah menyeleweng? Kalau ada, tolong buktikan kepada Parlimen ini supaya cakap-cakap Yang Berhormat itu ada alasannya dan boleh dipertanggungjawabkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingat dia tanya saya ini kononnya hendak beri saya jawab. Saya jawab pun saya tak ada masalah. Saya Ahli Parlimen biasa sahaja, tak ada masalah. Tetapi sebenarnya dia tanya soalan itu

dia sendiri yang tahu. Masa dalam PAS dahulu orang PAS kata, ini tanah sekian-sekian telah diluluskan oleh pihak Kerajaan kepada si anu, si anu. Mereka tahu tanah itu siapa yang dapat? Dia kata Kerajaan tidak patut beri tanah kepada si anu. Ini ada hubungkait dengan soal Raja-raja tadi. Mereka yang komplek dahulu. Kita ambil tindakan ini kerana PAS, DAP dan 46 komplek dan kita terpaksa ambil tindakan. Yang sebenarnya bukan dipunyai oleh kita, orang-orang biasa macam kita ini, itu sebab kita ambil tindakan.

Jangan cuba hendak main politik benda yang macam ini, tak baik, sebab kita sama-sama hendak membetulkan keadaan, hendak pastikan supaya pentadbiran kita berjalan dengan elok, hendak pastikan Raja Berperlembagaan ini dihormati dan dipertahankan dan tidak disalah erti dan dipersalahkan. Maka kita terpaksa mencetuskan sesuatu untuk menentukan garis pemisah kuasa yang ada di tiap-tiap pihak. Itu yang penting. Jadi jangan menanggung di air keruh. Saya beri amaran perkara ini kepada kawan-kawan supaya jangan menanggung di air keruh sebab saya ada bukti ucapan tuan-tuan pada masa yang lepas berhubung dengan isu penyelewengan dan sebagainya yang ada hubungkait dengan perkara ini, tiba-tiba hari ini hendak jadi champion, hendak jadi hero dan DAP pula tuduh yang UMNO menderhaka kepada Raja. Dia tak tahu yang dia lebih. Kita tidak pernah.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya satu lagi. Bolehkah, sebagaimana soalan saya yang telah saya kemukakan tadi saya rasa Yang Berhormat dari Arau belum lagi memberi jawapan yang jelas. Saya sebenarnya memohon jawapan yang jelas secara ikhlas, tidak ada udang di sebalik batu sebenarnya. Kita hendak

tahu yang sebenarnya. Kemungkinan apa yang saya tahu itu tidak betul dan kemungkinan apa yang saya tahu itu, betul. Jadi untuk mengconfirmkan apa yang saya tahu itu, perlulah kita tanya Yang Berhormat dari Arau, sebab Yang Berhormat dari Arau ini seorang yang pintar. Bukan sahaja pintar bercakap, putarbelit pun pintar juga! *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya rasa.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya ingat mula-mula dia bercakap tadi betul ini orang Islam, ikhlas, saya pun seronok, saya pun sudah hendak cerita. Tetapi bila dia sebut menuduh saya putarbelit, ini Islam pun sama dengan saya jugalah, tak habis. Saya pun tengah belajar, mengaji tak habis, Pak Nik pun tak habis, banyak yang tak habis, yang baru-baru ini lagi banyak tak habis mengaji. Sambil-sambil bercakap, 'puk' lepas sikit, apa pula.....*(Ketawa)*

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat dari Arau ini. Adakah Yang Berhormat sedar dahulu PAS ini bila dia baca khutbah Jumaat, dia tak pernah membaca doa untuk Sultan kerana dia kata hukum bidaah. Jadi sekarang dia sudah champion hendak jadi penyokong Raja-raja. Setuju atau tidak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak jawab yang itulah tadi. *(Ketawa)* Sebenarnya itulah jawapannya. Saya pernah pergi bersembahyang di masjid yang berlaku masalah dua Imam, di Perlis berlaku. Saya tahu khutbah dia tak sebut doa kepada Sultan-sultan dan Raja-raja, tak sebut langsung. Ini bidaah dan sebagainya. Tetapi hari ini hendak jadi champion konon. Islam macam ini kira baguslah.....

Dr Sanusi bin Daeng Mariok:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok: Saya hendak mendapat tahu ataupun hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Arau, tahukah hukumnya mengikut Islam tentang membaca doa kepada Raja-raja? Kalau tahu, sila nyatakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sekejap lagi sahabat saya Dato Dr Haji Abdul Hamid akan jawab bagi pihak Kerajaan. Hendak tanya hukum itu daripada saya, tak payahlah uji saya. Saya memang tak tahu hukum, cakap betul punya! Tetapi saya tak tahu hukum, bagus, saya rasa saya kurang sedikit dosa daripada tahu hukum, mengeluarkan macam-macam fatwa yang salah. (*Tepuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya boleh bergaduh dengan Pak menekan saya sendiri kerana fatwa yang dikeluarkan oleh PAS. Saya kata, baiklah saya tak pandai, saya tak bawa keluar hukum. Kalau saya pandai, saya bawa keluar hukum, lagi berat saya memecahbelahkan umat Islam. Syukur alhamdulillah, saya rasa saya lebih dapat pahala daripada tidak mengata kepada orang, daripada bawa keluar hukum yang mengata kepada orang. Itu dia jawapan yang tepat, saya ingat.

Tuan Pengerusi, jadi saya hendak beritahu di akhirnya berhubung dengan istiadat dan Raja-raja ini. Sampailah masanya bahasa-bahasa istiadat ini, yang PAS sekarang pun pakai. PAS memerintah Kelantan sekarang pakai bahasa ini, "Yang Maha Mulia, pacal yang hina" ini difikirkan balik. "Batu

jembala patik" diubahsuai, sebab kadang-kadang pujian-pujian kepada Allah itu bahasanya tak tinggi seperti "Yang Maha Mulia" yang kita sebut dalam istiadat. PAS sebut ini, kena betulkan. Balik pergi beritahu Menteri Besar Kelantan (Tok Guru) perbetulkan, beri dia betulkan benda ini sebab kita pun hendak sama-sama. Kalau dia elok, kita ikut dia....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Maaf, saya hendak tumpang tanya sepatah dari Yang Berhormat Arau ini sebab dia bercakap terlampau panjang. Banyak keluhan yang kita dengar petang ini daripada wakil Arau mengenai bahasa dan sebagainya, tetapi saya hendak tahu apakah 34 tahun Barisan Nasional memerintah, hari ini baru sedar, baru nampak?

Tuan Shahidan bin Kassim: Sebenarnya perkara ini sudah lama kita timbulkan, tetapi sebab setiap benda yang kita buat kita memerlukan masa, cara kita terapkan nilai-nilai Islam pun sekarang ini sampai ke tahap yang cukup mengembirakan. Masa dahulu di Perlis kalau kenduri ada macam-macam perkara yang ada berhubung dengan adat. Sekarang ini kalau kita pergi kenduri—lain, sudah ada perubahan, cukup nyata. Jadi, benda ini sudah ditimbulkan dan saya rasa PAS pun sama-sama timbulkan. Semasa dia memerintah Kelantan dahulu pun dia timbulkan, tetapi dia tidak buat, dia pun buat macam kita juga, tangan pun naik macam itu juga. Sekarang dia memerintah, dia pun tak buat.

Sekarang ini sekurang-kurangnya kesedaran timbul di pihak UMNO dan Barisan Nasional. Kita hendak tegur supaya PAS Kelantan mula dahulu supaya sesuai dengan apa yang mereka cakap itu mereka buat. Bahasa-bahasa yang tidak sesuai lagi patut diubahsuai supaya menjadi bahasa yang tepat sebab kita tidak mahu menjadi pengikut

kepada benda yang tidak sepatutnya berlaku. "Hamba yang hina"—tidak ada yang hina. Kadang-kadang bahasa ini Perdana Menteri sendiri pakai, mana Perdana Menteri hina pula, saya lainlah bukan? Jadi, tidak sesuaiilah benda itu, dah sudah sampai masanya kita ubah.

Baik, habis fasal Raja-raja dan saya mintalah kawan-kawan saya di sini termasuk DAP jangan mencedok di air keruh dan jangan cari kesempatan untuk menjadi hero dan juga champion berhubung dengan masalah Raja-raja sebab kita sebenarnya timbulkan tajuk lain, bukan soal Raja, tetapi tajuknya ialah berhubung dengan penyelesaian, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya—itu tajuk yang kita timbulkan, bukan fasal institusi itu.

Yang berikutnya ialah berhubung dengan Unit Perancang Ekonomi. Saya hendak menyentuh satu yakni fasal penswastaaan. Saya hendak sentuh fasal MBO (Management Buy Out). Adalah diminta supaya pihak Kerajaan menetapkan berapa peratuskah sepatutnya pihak pengurusan boleh membeli. Kita tidak mahu Kerajaan menetapkan pihak pengurusan membeli 100% sebab kita harus ingat kalau sekiranya pengurusan membeli 100%, siapa pengurusan? Kalau pengurusan itu katakan the top few, dengan izin, mungkin dia dok taram dua tiga tiga orang pengurus-pengurusnya. Dia kata sekarang ini company ini saya punya, saya buang habis, tidak boleh. Sebab itu management buy out ini kita kena tetapkan dalam kadar 30%, lagi 70% biarlah pihak swasta atau pihak-pihak lain yang masuk.

Jadi, ada satu dua penswastaaan yang dibuat dalam bentuk management-buy-out ini diberi 100% kepada pihak pengurusan atasan dengan langsung tidak melibatkan pihak pekerja-pekerja. Ini rosak, ini tidak patut berlaku dan saya rasa moral kakitangan akan jatuh dan ini tidak patut diteruskan. Jadi,

konsep MBO yang ada sekarang termasuk penswastaaan di peringkat Pusat dan Negeri harus diberi penekanan dalam bentuk 30% atau sebagainya.

Perkara yang keempat ialah berhubung dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Saya sudah sentuh dalam ucapan saya yang mula-mula, tetapi saya tidak mendapat jawapan daripada mana-mana pihak, iaitu berhubung dengan usaha kita untuk menguatkan pentadbiran daerah—tidak ada orang yang menjawab. Saya minta tolong jawab. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri atau mana-mana pihak tolong jawab balik apa yang saya timbulkan berhubung dengan pentadbiran daerah. Kalau saya hendak ulang, panjang ucapannya, saya minta tolong jawab, iaitu usaha kita untuk menguatkan pelaksanaan di peringkat daerah.

Kita juga minta supaya pihak Pegawai Kemajuan Negeri diberi kuasa semula sebagaimana yang telah diberi di masa-masa kita melaksanakan projek-projek pembangunan di zaman Allahyarham Tun Razak dahulu dan juga diberhentikan selepas itu, saya minta disambung balik. Sekarang ini diberi balik tetapi tidak sepenuhnya iaitu kuasa-kuasa yang ada pada SDO untuk menyelaraskan di peringkat negeri untuk membolehkan SDO ini yang saya ingat kedudukannya mungkin sama di Kelantan dengan Sabah sekarang ini iaitu kuasa penuh diberi. Saya minta supaya benda yang sama juga diberi kepada negeri-negeri yang lain.

Kemudian fasal keselamatan negara, saya hendak sentuh satu sahaja. Ini berhubung dengan persempadanan kita, mungkin ada hubungan dengan Wisma Putra, tetapi saya hendak sebut di bawah sini, contohnya pertikaian berhubung dengan pulau-pulau kecil dengan negara-negara jiran dan sebagainya. Ada sahabat saya dahulu bertanya kalau sekiranya pulau itu dipertikaikan, jikalau sekiranya pihak

negara yang mempertikaikan itu masuk dan membangunkan pulau itu, apa hukumnya? Adakah dia menceroboh ataupun tidak? Ini soalan yang baik yang saya ingat kita harus jawab. Kita tidak harus membenarkan kalau sekiranya pulau itu dipertikaikan, saya ingat sampai masanya kalau macam Pulau Batu Putih kita dimaklumkan bahawa pihak negara jiran hendak mendirikan tempat landing helikopter, kita juga kena buat tempat landing jeti bot ikan—masing-masing buat. Kalau dia buat di atas pulau, kita buat di tepi pulau. Kena buat sesuatu yang boleh supaya di akhirnya benda ini tidak timbul seperti orang kata yang kita ini mudah kiralah, tidak boleh. Soal mudah ini soal nombor dua.

Jadi, pihak keselamatan negara saya ingat sampai masanya mengenalpasti segala perkara-perkara yang dijangka akan menimbulkan masalah. Kuasa Allah akan berlaku dari masa ke semasa—tiba-tiba pulau muncul, ini kena ambil perhatian. Tiba-tiba pulau muncul dekat sempadan, kita mana tahu tiba-tiba termuncul sebuah pulau? Ini cepat-cepat kita kenalpasti dan kena kenalpasti tentang perubahan-perubahan yang berlaku berhubung dengan kedudukan tanah kita.

Kemudian akhir sekali, saya ingat sudah panjang, fasal Pasukan Petugas Anti Dadah. Kita menyokong sahabat saya dari Parit Sulong semalam, cuma saya hendak minta sebab perkara ini adalah perkara yang cukup serius supaya pihak yang terlibat dengan pertubuhan sukarela dikenalpasti beberapa pertubuhan sukarela tertentu untuk kita serapkan dalam sistem yang ada sekarang. Dalam sistem yang ada sekarang, di peringkat kampung, kita ada JKKK, di FELDA ada JKRR. JKRR ini ialah satu kemajuan dan satu lagi keselamatan. Keselamatan ini digunakan untuk kita menghadapi masalah komunis dan sebagainya pada masa yang lepas, sekarang sudah tidak

ada. Kita patut serapkan perkataan “keselamatan” itu mungkin dalam bentuk penyalahgunaan dadah, tetapi sekarang ini penekanan tidak diberi secara khusus dan sahabat saya berkata semalam kita tidak patut bergantung sepenuhnya kepada pihak badan sukarela kerana mereka tidak memberikan kakitangan, tetapi soal dadah ini mesti juga melibatkan pertubuhan sukarela.

Kerajaan patut tambahkan peruntukan dan memberi pegawai-pegawai yang cukup kepada PEMADAM. Ini kena declare interest sedikit sebab saya Pengerusi PEMADAM Negeri Perlis, tetapi bukan adagaji, cuma pertubuhan sukarela. Saya rasa sampai masanya pihak Kerajaan mempergiatkan badan sukarela ini dan menyerapkannya di peringkat kampung, peringkat jawatankuasa pentadbiran, penghulu, daerah, negeri dan sebagainya, baru ia berkesan.

Masukkan sekali sekarang ini AIDS. AIDS pun ada jawatankuasa khas di peringkat negeri. Ini bagus supaya AIDS, dadah dan sebagainya sebab ia ada hubungan. Masukkan sekalilah pelacuran dan sebagainya supaya dengan itu kita boleh berperang kepada musuh-musuh yang telah ditentukan tadi. Jangan timbul satu musuh kita baru serang, kita kenalpasti musuh yang akan wujud dan musuh yang telah wujud, kita serang dengan secara sistematik.

Jadi, Tuan Pengerusi, demikianlah secara ringkasnya berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri. Cuma ada dua lagi. Ini berhubung dengan Tabung Haji. Saya ingat sampai masanya kedudukan rekod yang ada di Tabung Haji, ini sahabat-sahabat saya kena tahu, ramai orang tidak tahu. Kita tahu sekarang ini simpanan tahunan Tabung Haji secara terkumpul. Ini boleh tulis—\$5.369 bilion, banyak. Ini simpanan terkumpul, tetapi walaupun dalam

bentuk \$5.6 bilion, ini satu angka yang besar, tetapi kalau dibandingkan dengan jumlah pendeposit ataupun jumlah simpanan, dia tidak patut dapat angka ini, dia patut dapat lebih lagi. Oleh kerana Tabung Haji mempunyai wang yang begitu cukup, kita minta supaya perkhidmatan untuk bakal-bakal Haji atau jemaah Haji kita itu patut dipertingkatkan. Dalam kedudukan sekarang kita dapati bahawa Tabung Haji menyediakan seorang pegawai bagi 55 orang jemaah Haji. Apa salahnya dijadikan satu pegawai kepada 25 ataupun 30 orang? Ini berdasarkan kepada wang keuntungan yang ada dan sebagainya. Kita lihat dalam keadaan tertentu, oleh kerana pegawai-pegawai ini juga hendak menunaikan haji, dia pun hendak buat haji sama, jadi kadang-kadang sumbangan dalam tugasnya kepada 55 orang itu tidak menyeluruh.

Tetapi kalau kita beri 1: 30, saya ingat senang jaga. Dengan nisbah 1: 55 ini bukan senang hendak jaga, kebanyakan orang tua-tua yang pergi-bukan senang. Kalau budak sekolah lainlah, 55 orang kita boleh panggil—tiup wisel mereka datang menderu. Ini orang tua-tua hendak menunaikan haji dengan berjalan setengahnya terpaksa diusung dan sebagainya, 1: 55 orang—bukan senang. Jadi saya minta 1: 30 atau 1: 25. Dengan demikian, kita dapat memberi sumbangan yang lebih dan kita juga minta untuk mereka yang sakit, kita sediakan pegawai-pegawai khas yang boleh bercakap bahasa Arab, yang hanya menterjemah di antara pesakit dengan doktor, ini diambil orang PAS pun boleh, tetapi terjemah sahaja jangan cakap lebih daripada itu, terjemah daripada.....

Seorang Ahli: Jangan terjemah perkara lain.

Tuan Shahidan bin Kassim: jangan terjemah perkara lain. Yang boleh terjemah untuk membolehkan kita berkomunikasi.

Saya tidak mahu kata apalah, ayah saya juga meninggal dunia di sana dan masalah utama yang kita hadapi adalah bila kita hendak bawa pesakit ke hospital. Saya tidak mahu sebut yang lepas-lepas, tetapi hendak sebut supaya di masa ke hadapan ini diadakan penterjemah.

Berhubung dengan pelaburan terutamanya Tabung Haji, sudah sampailah masanya untuk memberikan pelaburan kepada teknologi tinggi. Dengan itu kita minta Tabung Haji tidak bertanding dengan pihak bumiputera-bumiputera yang lain berhubung dengan perkara-perkara yang bumiputera boleh buat. Dia mesti melibatkan diri dengan teknologi yang kita tidak boleh, dan dia juga mesti melibatkan atau joint-venture dengan dia sendiri terlibat sebagai aktif partner dan tidak menjadi patung seperti kawan saya sebut ini, seperti yang terlibat dengan K.G. Teratai oleh sebab dia tidak aktif. Tetapi di dalam projek-projek yang lain, kita minta dia melibatkan secara khusus tentang pembangunan ekonomi bumiputera Islam, tidak kira siapa-siapa. Yang penting ialah oleh kerana dia mempunyai modal yang cukup, libatkan dengan teknologi yang dia sendiri aktif dan teknologi tinggi. Yang lain-lain, yang kecil-kecil ini, serahkan kepada kitalah. Orang yang berniaga yang kecil-kecil ini, yang tidak sanggup membuat macam Tabung Haji, biarlah kita yang membuat.

Tuan Pengerusi, demikianlah secara ringkasnya berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri dan juga lain-lain Bekalan, dan dengan ini saya menyokong peruntukan yang telah dicadangkan oleh pihak Kerajaan dan kita minta supaya semua pihak yang terlibat dengan perbincangan pada kali ini, terutamanya berhubung dengan Parlimen, sama-samalah kita cuba

sedaya upaya melibatkan diri dan memberi sokongan serta mencadangkan perubahan-perubahan yang boleh menguntungkan semua pihak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pengkalan Chepa.

4.35 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang untuk menyentuh beberapa perkara dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1992 di peringkat Jawatankuasa yang sedang dibahaskan sekarang ini.

Pertamanya, saya ingin menyentuh Maksud B.1, mukasurat 23, Butiran 010000—Urusan Parlimen, Butiran kecil 010100 Pentadbiran Am. Dalam bahagian ini ada beberapa perkara yang saya ingin menyentuh, terutamanya masalah Penyata Rasmi Parlimen ataupun Urusan Mesyuarat.

Saya minta kalau boleh soalan-soalan yang dikemukakan oleh semua Ahli-ahli Dewan hendaklah dijadikan satu 'Buku' khas mengenai soalan sahaja sebagai 'Buku Tahunan'. Walaupun sekarang soalan itu ada dan disenarai cukup melalui Ahli-ahli Dewan, tetapi untuk simpanan, rujukan dan sebagainya bagi memudahkan kita membuat rujukan ataupun supaya tidak bertembung dengan soalan-soalan baru, eloklah kalau pihak Parlimen dapat jadikan satu 'Buku Tahunan'—kalau 5 tahun, lima buah buku. Kita selalu dapati soalan yang telah dikemukakan misalnya dalam sesi Belanjawan ini, kita sudah kemukakan soalan, tetapi apabila sampai bulan Mac, soalan itu juga ditimbulkan lagi. Jadi kalau boleh kita adakan buku khusus, maka kita dapat melihat semua daripada wakil mana sekalipun, sama ada pihak

Kerajaan atau Pembangkang, kita boleh semak dan kita boleh tengok dan insya Allah dia tidak akan bertembung.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, dalam perbincangan mengenai peruntukan Perbekalan Tambahan pada awal sidang Dewan ini dahulu, Jabatan Arkib Negara telah diberi peruntukan sama untuk menyempurnakan Memorial Tunku Abdul Rahman. Walaupun peruntukan yang diminta adalah token sebanyak \$10 sahaja, tetapi kita yakin bahawa untuk pengetahuan dan teladan kepada jenerasi akan datang, Memorial Tunku itu penting untuk menyimpan segala rekod-rekod kerjaya dan pandangannya terutama sikap dan perhatiannya di saat-saat yang terakhir.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun, saya ingin mengulangi pandangan PAS tentang tidak setujunya kami patung Almarhum itu dibiarkan tegak di serambi Parlimen ini. Justeru itu kami menuntut patung di hadapan Parlimen itu dirobohkan terus.

Tuan Pengerusi, jika Soviet Union dan lain-lain bekas negara komunis merobohkan patung Lenin dan Stalin, maka kita juga hendaklah merobohkan patung Tunku atas sebab-sebab yang berlainan dan hujah-hujah yang lebih ma'kul, bukan kerana untuk mencontohi apa yang berlaku di Soviet.

Soviet dan negara-negara komunis merobohkannya kerana benci kepadanya dan dasar-dasar mereka, tetapi langkah kita mentiadakan patung ini adalah kerana kasih sayang kita kepada pemimpin itu. Bila Kerajaan bersetuju untuk merobohkannya jangan pula patung dan batu-batunya dibawa ke Memorial Tunku Abdul Rahman itu. Kita mahu ia dirobohkan kerana tidak mahu orang yang tidak tahu tentang Islam menyangka bahawa dalam Islam pembinaan dan menyimpan patung dibenarkan dan pada ketika yang sama, kita hendak membantu supaya roh

Almarhum terus berada dalam keadaan yang aman dan rehat di alam akhirat, jika patung itu ditiadakan.

Tuan Pengerusi, dalam Kitab Mustika Hadis yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri sendiri ada memuatkan tentang salahnya pembinaan patung dan orang yang membina patung itu salah, dan orang yang membenarkan patung dibina dan disimpan juga salah. Justeru itu, para penyokong Tunku dan keluarganya jangan salah sangka dan tersinggung jika PAS mahu patung Tunku itu dirobohkan. Ia adalah untuk kebaikan Islam, untuk kebaikan roh almarhum dan kebaikan keluarga Tunku juga. Parlimen kita ini akan terus tercemar selagi patung Tunku itu dibiarkan tegak di halaman kawasan yang berharga ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tidak melakukan usaha yang baik jika patung itu dibiarkan.

Saya berharap, Tuan Pengerusi, jika boleh sebelum sidang yang berlangsung ini tamat pada hujung tahun ini, patung itu hilang dari pandangan kita. Sebab sekejap tadipun kita telah mendengar Wakil dari Arau banyak menyentuh perkara-perkara untuk melihat Kerajaan kita ini sebolehnya dapat mengelak daripada sebarang penyelewengan ataupun sebarang perkara yang bercanggah dengan Islam khususnya. Maka kalaulah Kerajaan ini bertanggungjawab memahami dan merasa perlu mengambil satu-satu langkah bagi memperbetulkan keadaan, lebih-lebih lagi Majlis Fatwa pun ada, inilah satu perkara yang harus dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi, masalah yang kedua saya ingin sentuh B.7, mukasurat 32, Butiran 050000—Bahagian Hal Ehwal Islam dan mukasurat 42 dalam buku Program dan prestasi, iaitu masalah-masalah fatwa. Kalau kita lihat dalam buku ini mengenai kedudukan Hal Ehwal Islam, kita percaya sebarang masalah agama

ataupun sebarang masalah hukum tidak akan berlaku percanggahan ataupun bertentangan di antara satu sama lain. Tetapi saya dukacita, Tuan Pengerusi, walaupun peruntukan ini ada dan Majlis Fatwa ini ditubuh, tetapi saya percaya Majlis Fatwa ini tidak berfungsi dan tidak dapat memainkan peranan yang sesuai dan patut sebagai peranan yang utama dalam memandu rakyat supaya mereka tidak keliru ataupun mereka dapat berpegang dengan hukum-hukum yang tepat dan sesuai. Sebab itu, saya ingin meminta supaya Majlis Fatwa ini mengambil tanggungjawab supaya ianya dapat berfungsi dan dapat memperbetulkan perkara-perkara yang timbul dan menjadi isu dalam kehidupan rakyat, khususnya dalam masyarakat Islam.

Contohnya, Tuan Pengerusi, masalah ASN, masalah ASB, masalah patung Tunku sendiri, sampai hari ini Majlis Fatwa tidak mempunyai kata putus ataupun mendedahkan kepada umum bagaimana hukumnya mengenai ASB atau ASN, begitu juga patung Tunku. Dan inilah yang ditimbul oleh Wakil dari Arau tadi, 30 tahun lebih memerintah dengan nama Perikatan, dengan nama Barisan Nasional, tetapi hari ini baru terasa, baru nampak perkara-perkara yang tidak menyenangkan hati. Dan bila timbul satu-satu masalah Pembangkang mengambil peranan untuk memberi teguran, dia pula buat tuduhan kepada Pembangkang, sedangkan mata sama ada, fikiran sama nampak, hasrat pun sama juga. Jadi, perkara-perkara seperti ini tidak harus dibiarkan dan tidak harus berlaku. Sebab dahulu saya sudah timbul masalah ASN dan saya telah mengatakan secara tegas dalam Parlimen ini, beri riba, haram, walaupun pihak orang lain tidak terima dan sepatutnya pihak Majlis Fatwa ini keluar dahulu fatwa sebelum melakukan sesuatu, jangan buat dahulu apabila timbul hukum bercanggah, barulah hendak hukum. Bila kita hukum dengan fatwa bercanggah pun

Kerajaan degil, berkeras juga. Haram macam manapun begitulah Kerajaan ini, kerana matlamat Kerajaan ini ialah mencari duit, matlamat Kerajaan ini ialah wang, matlamat Kerajaan adalah kepentingan duit. Kerajaan tidak soal hukum haram-halal. Apakah peranan hukum lebih kecil daripada masalah-masalah luar, masalah-masalah lain?

Bagi saya, sebagai orang yang berasa bertanggungjawab dengan agama, masalah hukum adalah yang besar sekali. Sebab itulah kita tengok hari ini masalah AIDS, Kerajaan cuba menunjukkan jalan untuk mengelak, guna kondom, tetapi Kerajaan tidak cuba menyekat pergaulan bebas. Kerajaan tidak cuba mengharamkan amalan zina. Zina tidak mengapa, pergaulan bebas tidak mengapa, yang tidak boleh ialah AIDS dan cara hendak menyelamatkan dari AIDS ialah pakai kondom. Inilah yang timbulnya.

Sebab itulah, Tuan Pengerusi, masalah peranan Majlis Fatwa ini saya harap dapat berfungsi dan janganlah mencatatkan peruntukan berjuta-juta ringgit tetapi tindakan dan amalannya tidak dibuat. Begitu juga dalam masalah ini ada satu Butiran yang memberi ruang supaya kita dapat mengadakan perundingan antara orang-orang Islam. Saya tidak faham bagaimana dan apakah tindakan oleh Kerajaan dalam melaksanakan Butiran ini, sebab mengikut apa saya faham Butiran ini kalau pihak Jabatan Hal Ehwal Agama mempunyai peranan, saya rasa dapat kita menyelesaikan banyak masalah seperti alim-ulama yang ada dalam UMNO, ada dalam PAS, ada dalam mana-mana kumpulan cuba buat pendekatan, adakan perbincangan supaya dapat kita mencari satu-satu kebenaran antara kita sama kita. Sebab kita bermusuhan dari segi politik, dari segi siasah, tetapi kita tidak bermusuhan dari segi hukum. Kalau kita bermusuhan dari segi hukum, kita bertentangan dari segi hukum Allah,

kaedah dalam Al-Quran sudah ada, semua kena kembali kepada Hadis. Maka tidak akan timbullah perpecahan. Tetapi perkara seperti ini tidak berlaku, bahkan usaha lebih jauh itu jelas dan nampak hari ini.

Tuan Pengerusi, saya harap cubalah pihak yang bertanggungjawab dengan urusan hal ehwal Islam ini cari jalan pendekatan, sebab mengikut suatu hadis yang telah disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: 'Ada dua golongan manusia, bila baik dua golongan ini, baiklah seluruh manusia, sebaliknya bila rosak dua golongan ini, rosaklah manusia, pertamanya para alim-ulama, yang keduanya para pentadbir'. Bila golongan alim-ulama terasing dengan para pemerintah, para pentadbir, golongan alim-ulama tidak dapat memberi teguran pada pemerintah, pemerintah tidak sedia patuh kepada kebenaran yang ditunjuk oleh alim-ulama, bahkan ulama suku, pihak pentadbir suku, maka inilah yang kita terima hari ini di Malaysia, lebih-lebih lagi kalau ulama menjadi perkakas, menjadi alat, menjadi pak turut seperti ulama dalam UMNO tidak sedia untuk memberi teguran, sampai kami mengemukakan soalan dalam Parlimen pun tidak boleh jawab. Tadi sudah berlaku. Ini adanya orang bertanggungjawab dengan Islam, tetapi tidak pernah memberi jawapan yang jelas yang boleh memuaskan, seolah-olah tidak tahu tanggungjawab.

Kami bukan hendak hujah secara bernafsu, secara hendak merosak, hendak menggugat Kerajaan, kami hendak dapat sesuatu kebenaran. Jadi, apa salahnya kalau buat persediaan beri jawapan, beri ketegasan. Selama alim-ulama tidak dapat bergabung, tidak dapat mendekat diri dengan pemerintah dan selama pemerintah berdegil tidak mahu tunduk kepada kebenaran yang ulama ini sebagai guru, maka selama itulah kekacauan, pertelingkahan,

perselisihan akan berlaku sepanjang masa, dan tidak akan dapat menyelesaikan masalah khususnya masalah negara.

Sebab itulah hari ini dalam masalah fatwa ini, banyak yang mengelirukan. Contohnya baru-baru ini Kerajaan Kelantan melalui Yang Amat Berhormat Menteri Besar cuba menurunkan papantanda hak yang lucah, sepatutnya Kerajaan Pusat sokong. Diharapkan yang balik dari Azhar turut sokong, tetapi orang yang balik dari Azharlah orang yang buat komen yang melulu yang mendedahkan kebodohan diri sendiri. Sepatutnya dia sokong, sebab kita turunkan gambar lucah. Sebab orang tua-tua sudah kata, 'dari mana datangnya cinta, cinta dari mata dan dari mata turun ke hati'. Bila kita tengok gambar lucah, apa lucah semua sekali, mulailah fikiran itu lucah dan buat tindakan pula lucah. Sebab itulah hari ini melalui media-massa, dengan gambar, dengan filem semua sekali menyebabkan muda-mudi kita liar, tidak tahu hendak menentukan sikap hidup. Lebih-lebih lagi asas pendidikan tidak ada, agamanya tidak tersemat dalam diri, maka mereka bertindak liar. Akhir sekali, kita musuh dia, kita hukum dia, kita ambil tindakan sedangkan kita tidak bertanggungjawab menyelesaikan masalah dari peringkat anak-anakan.

Saya tidak senang hati dengan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Cuba baca dalam suratkhbar apa dia komen tentang usaha Kerajaan menurunkan papan itu. Kita bukan menurunkan semua gambar wanita. Kita menurunkan gambar wanita lucah sebab ini mereka pamer untuk mencari pengaruh supaya dapat mata benda dan kaum ibu UMNO sudah buat keputusan dalam mesyuarat dahulu meminta supaya janganlah mereka memperdagangkan orang perempuan. Jangan mempamerkan orang perempuan sebab orang perempuan

bukan untuk dagangan. Tetapi hari ini ada Kerajaan, walaupun bidang kuasa kecil tetapi bertanggungjawab dalam Islam, cuba hendak menerapkan nilai-nilai Islam dan untuk menunjukkan contoh kepada Kerajaan yang lebih besar tetapi orang yang balik dari Azhar, yang ada certificate Azhar, orang inilah mulai mendedahkan kepalsuan hidup dia. Tidak cuba hendak tolong sokong, tidak cuba hendak tolong itu, akhir sekali menjadi senjata kepada orang lain untuk memburukkan kebenarannya dan bila orang buat teguran, dia membisu. Dia tidak tahu.

Saya harap melalui peruntukan dalam Majlis Fatwa ini dapatlah Majlis Fatwa ini memainkan peranan sebab kalau kita tidak berasa bertanggungjawab hari ini, Majlis Fatwa ini tidak perlu kerana Majlis Agama sudah ada dan Majlis Agama inilah berhak memberi fatwa dan mengeluarkan fatwa. Kita tidak ada hak keluarkan fatwa. Yang berhak keluarkan fatwa ialah Mufti dan Majlis Agama Islam. Kerajaan Pusat sendiri pun tidak berhak mengeluarkan fatwa kerana hak ini kuasa Negeri tetapi hari ini Kerajaan Pusat terpaksa tubuh Majlis Fatwa. Apa fungsinya? Apa peranannya? Kalau dia tidak boleh melaksanakan tanggungjawab dan tidak boleh memperbetulkan keadaan-keadaan yang boleh menjejaskan kedudukan, lebih-lebih lagi generasi muda, generasi baru, dia tidak tahu kedudukan agama lebih mendalam tetapi kalaulah Majlis Fatwa ini dapat memainkan peranan, memberi panduan yang jelas, insya-Allah, saya rasa apa yang kita cita-citakan dan apa yang kita bertindak akan memberi kesan yang baik kepada seluruh negara.

Sebab itulah dahulu kita bersuara mengenai masalah patung. Hari ini saya mengulangi bersuara mengenai masalah patung. Bukan kita hendak merosakkan patung, bukan kita hendak

menentang segala-gala benda yang menjadi pegangan hidup manusia—tidak. Tetapi kita hendak kembali supaya mendapat suatu kejernihan, bukan dari luar tetapi dari dalam. Jadi, kalau pihak Jabatan Agama....

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada Ahli Yang Berhormat bangun.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan sedikit dari Ahli Yang Berhormat. Bila Majlis Fatwa sudah wujud di semua negeri, adakah keputusan Majlis Fatwa selalunya diterima oleh pemimpin-pemimpin PAS dan anggota PAS? Apa yang saya hendak contohkan ialah seperti peristiwa Memali di Kedah di mana Majlis Fatwa tidak kata mati syahid tetapi PAS mengatakan orang-orang yang terkorban dalam peristiwa Memali itu mati syahid. Macam mana dengan keadaan ucapan daripada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Pengerusi, kita tidak pernah menentang fatwa dan kita hormat fatwa tetapi fatwa yang mempunyai hujah kebenaran, yang mempunyai sandaran yang kukuh berdasarkan kepada Al-Quran dan Hadis. Apa yang berlaku peristiwa di Memali tidak bercanggah dengan pegangan kita dan fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Kedah itu adalah setelah kita keluarkan fatwa dan setelah ditekan oleh pihak berkuasa supaya Majlis ini keluar fatwa yang bercanggah. Kita tahu, tidak usah tutup matalah, kita tahu. Kita dalam Malaysia, bukan di luar Malaysia, sebab itu kita minta pendekatan. Kalau tidak puashati hari ini, minta Yang Berhormat itu buat

Majlis Muzakarah mengenai hal Memali ini. Siapa benar, siapa tidak benar. Insya-Allah, nanti saya akan sampai. Saya ada juga akan sebut di sini. Saya tidak hendak bercakap panjang, cuma hendak bangkit begitu sahajalah.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, B.7 juga, mukasurat 32, Butiran 040000 Keselamatan Negara.

Kelmarin banyak dibangkitkan oleh seorang Wakil dari Kerajaan menyentuh peristiwa Memali sampai menyeru, mengajar dan tanya apa niat PAS yang mengadakan Majlis sedangkan benda ini sudah dilarang oleh Majlis Agama Islam Kedah dan pihak Polis pun begini, begini, begini. Apa yang berlaku di Memali hari ini, hari-hari suratkhbar menulis terutama sekali *Utusan Melayu*, hari-hari menulis dan saya tidak fahamlah *Utusan Melayu* ini Melayu sungguhkah dia ini. Apa peranan dia? *Utusan Melayulah* batu api, batu kekeh, tukang mengacum tetapi kalau dia mengacum orang lain tidak apa, dia jolok Kerajaan dan orang yang bertanya dalam Dewan, dia kata apakah niat PAS, tujuan PAS begini, begini, begini....

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, tidak payah tanya niat PAS. Lebih baik tanya niat Majlis Agama itu fasal apa dilarang? Tanya orang lain fasal apa dilarang? Fasal apa disekat? Apa kejadian yang boleh menjejaskan dan merosakkan? Ini peristiwa sejarah—sejarah perjuangan kami. Apa salahnya dan apa berlaku kekacauan? Berlaku pembunuhan di Memali bukan kerana kami, tetapi kerana UMNO dan hari ini kami cuba memperingati sejarah perjuangan pemimpin PAS yang terkorban dalam perjuangan. Tiba-tiba ada pula halangan. Kami tahu tujuannya. Tujuan mereka adalah untuk menghapuskan pengaruh PAS supaya PAS ini tidak dapat sokongan ataupun PAS ini kalau boleh biar mati, begitulah. Biar mampus keras, orang

Kelantan kata, tetapi sudah berapa kali mampus PAS ini sampai tinggal dua orang sebagai batu nisan tetapi hari ini jadi Kerajaan. Tidak mampus juga. Biarlah PAS mampus tetapi saya hendak tanya Barisan Nasional ini, agaknya lama mana lagi hendak memerintah? Dia boleh memerintah terus-meneruskah? Kalau tidak boleh memerintah terus-menerus, jangan tepuk dada untuk menunjuk kekuasaan sebab kekuasaan, kalau orang belajar sejarah, orang faham sejarah, dia tidak boleh bukti kekuatan kuasa dia. Belajarlah dengan sejarah, jangan tunjuk dan jangan cuba hendak menepuk dada dengan kekuasaan.

Hari ini saya dukacita *Utusan Melayu* khususnya hari-hari menulis, jarum Majlis Fatwa, jarum Kerajaan, jarum Polis supaya ambil tindakan. Apakah dengan Kerajaan ambil tindakan boleh selesai masalah Memali, boleh menyekat kekuatan PAS, boleh menghapuskan Pembangkang? Kita tunjuk jalan dia tidak mahu buat. Satu jalan sahaja. Kalau Barisan Nasional dan UMNO berkeinginan hendak memerintah terus menerus, satu jalan sahaja. Hapuskan demokrasi. Jangan ada pilihanraya. Jangan beri peluang tubuh parti-parti. Kalau beri peluang tubuh parti, kalau hendak wujud demokrasi, terimalah amalan demokrasi yang berlaku dan jangan cuba guna demokrasi untuk menghancurkan demokrasi. Ini cara UMNO bertindak hari ini, guna demokrasi untuk menghancurkan demokrasi.

Tuan Pengerusi, apa salahnya majlis yang PAS adakan di Memali mulai tahun ke tahun dan apa bencana bahayanya? Tidak ada bahaya. Bahayanya ialah UMNO. Kerajaan tidak bahaya, rakyat tidak bahaya, keselamatan tidak bahaya. UMNO cuba menghasut Polis. Saya terima kasihlah kepada Polis kerana Polis, pihak keselamatan ada panduan, dapat

menimbang, dapat berfikir dengan baik sebelum bertindak melakukan sesuatu. Kita tidak akan menyokong apa kesalahan yang dia buat dan apakah perkara itu sahaja bercanggah dengan undang-undang negara? Perkara itu sahajakah? Amalan yang berlanggar dengan peraturan keselamatan ataupun banyak lagi yang dibuat oleh Kerajaan sendiri bercanggah.

Tuan Pengerusi, *Utusan Melayu* ini melampau tetapi biarlah dia cari makan. Tetapi yang saya berasa pelik, Wakil Kerajaan yang bercakap semalam.

Saya tidak patut layan wakil ini tetapi saya kasihanlah, nampaknya hari ini dia sudah hilang punca, tidak tahu tempat hendak bergantung—di situ tidak kena, di sini tidak kena, semua tidak kena akhir sekali dia menyatakan dalam Parlimen ini, dia kata, dia ini tidak tahu malu, tidak erti malu, dia seorang tidak apa-apa. Memnglah Islam telah mengatakan, “Kalau kamu tidak malu, buatlah apa sahaja. “Orang tidak malu ini, semua dia boleh buat, dia tidak erti malu, muka dia jadi tapak kaki. “Bila kamu tidak malu, kamu boleh buat apa-apa”. Semalam dia bodek Speaker, dia bodek Pengerusi MARA, dia bodek Polis, bodek itu, bodek ini, hendak cari tempat. Marahkan pegawai-pegawai Kerajaan dan dalam pilihanraya dahulu, masa dia menentang Kerajaan, dia tepuk dada, dia melaung di depan beribu-ribu rakyat, “Kalau bertukar Kerajaan, kalau menang Pembangkang, minta lantik saya jadi Menteri Keselamatan, saya hendak tangkap seorang demi seorang ahli UMNO. Lima minit sahaja saya jadi Menteri, saya hendak tangkap Dr Mahathir dahulu, hendak tangkap Timbalan Perdana Menteri, hendak tangkap itu.” Saya beri tahulah kepada pemimpin-pemimpin UMNO, kenallah orang ini, kenallah, fahamlah. Dia boleh bercakap dia bercakap, dia boleh bertutur dia bertutur, dia pula kebetulan

orang ada semangat dan dia tidak tahu malu. Islam kata, maksudnya: "Kalau kamu tidak malu, nah! buat. (*Disampuk*) Yalah, itu. Tiada apa-apa, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya harap tidak usahlah surat khabar menonjol-nonjolkan peristiwa Memali dan sebagainya. Kami orang PAS ini sentiasa memberi ruang yang begitu luas untuk mencari pendekatan supaya kami boleh menyokong Kerajaan (*Tepuk*) dan kami boleh tidak menjadi Pembangkang kalau Kerajaan itu membuat apa juga yang kami mahu, tetapi selama Kerajaan bercakap lain buat lain, tunggulah, bukan hanya kami, anak kami akan menentang Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut satu perkataan hukamak. Maksudnya: "Tegak dunia ini dengan sebab empat perkara". Bukan tegak Malaysia, dunia ini boleh jadi tegak dengan sebab empat perkara. Pertama, dengan adanya tunjuk-ajar daripada para alam ulamak. Alim ulamak bertanggungjawab dengan ilmu dia sedia menunjuk-ajar walau pahit, walau susah, dia mesti menyatakan kebenaran. Kedua, pemerintah ini adil, tidak menyeleweng, tidak diktator seperti UMNO, mesti berlaku adil—itu pemerintah kerana dia bertanggungjawab dengan seluruh rakyat, bukan sahaja tanggungjawab dengan parti. Ketiga, dengan kemurahan hati, hartawan, orang kaya, bukan kedekut, bukan jadi lintah darat. Dengan kekayaannya sebagai amanah, dia bantu orang miskin. Sebab itu zaman Rasulullah tidak ada bank, sebab orang kaya jadi bank, orang sesak tidak dukacita kerana dalam kesesakan dia, dia akan dapat pertimbangan dari orang kaya, bukan kaya lintah darat seperti hari ini. Keempat, doa orang mustadhafin, orang miskin sentiasa berdoa, mendoakan Kerajaan baik, doa Kerajaan itu dan ini.

Bila ada empat golongan ini bersifat demikian, bukan Malaysia sahaja, dunia akan tegak. Tetapi bagaimana hari ini, kita bercakap lain, kita buat lain sampai ke baja pun tidak diberi.

Satu contoh yang dekat pada hari ini, saya hendak bertanya Menteri Penerangan—Menteri tidak ada hari ini—fasal apa hari ini Wakil-wakil Rakyat tidak terbit dalam TV, Pembangkang khususnya DAP, PASKah, 46kah, lebih-lebih sebut nama. Apakah TV ini hak UMNO ataupun hak Kerajaan? Radio hak UMNO atau hak Kerajaan? Kalau radio dan TV ini hak Kerajaan, maka dia bertanggungjawab dengan urusan, tetapi hari ini tidak ada. Bukan kita hendak, saya tiada apa-apa, tidak hendak berniaga rupa saya, tidak hendak menjual nama saya, tidak masuk TV pun tidak apa, tetapi kenapa tidak ada hari ini, yang hak bertelanjang itu ada. Mana keadilan wa-adlilumarak? Mana keadilan pemerintah? Kalau benda basi pun tidak boleh beri kepada orang lapar, macam mana hendak beri benda isi? Tetapi bercakap sedaplah.

Tuan Pengerusi, ramai orang hendak bercakap ini dan saya hendak ringkas-ringkaskanlah. P.7 mukasurat 36, Butiran 05300 Bina Semangat.

Kelmarin pun sudah heboh wakil Kerajaan minta tambah lagi daripada \$24 juta supaya begini, begini, untuk melahirkan patriotik, macam-macam dan bangun pula wakil DAP dia tidak puashati kerana begini, begini. Saya tidak menyebelahi mana-mana tetapi peruntukan itu sama ada \$24 juta ataupun berapa, kalau kena guna melalui sasarannya, bagus, tetapi kalau tidak kena guna, jangankan \$24 juta, 24 sen pun tidak harus dan apa yang berlaku ini bukan membina semangat rakyat, bukan bina semangat warganegara tetapi membina semangat ahli-ahli UMNO supaya dapat jadi

pemuda lasak, dapat jadi Briged Setia. Macam di zaman Stalin dan Nazi dahulu, guna harta negaraguna duit negara untuk menubuhkan S.S. Pemuda Nazi dahulu. Begitulah apa yang berlaku hari ini. Jangankan \$24 juta, kalau kurang pun kita tidak hendak. Kalau untuk bina semangat rakyat, tidak apalah dan kalau Kerajaan boleh buktikan projek ini untuk membina semangat rakyat, lama sudah orang DAP terlibat dan orang PAS terlibat dan semua orang yang menentang Kerajaan pun terlibat. Tetapi hari ini tidak ada, samalah dengan kelas Kemas ini, habis berjuta-juta ringgit untuk menjadi askar pilihanraya, hasilnya tiada. Duit—duit negara, duit Kerajaan, duit rakyat tetapi guna duit berjuta-juta untuk kegunaan parti. Muat atas bas, mari di Kuala Lumpur, macam-macam, Lailaha-ilallah. Jadi, kalau ini, saya tidak boleh sokong. Tetapi kalau untuk bina rakyat, saya sokonglah sebagaimana DAP memberi kesanggupan, dia akan sokong dan tempatnya bukanlah satu tempat yang khusus, di mana-mana pun boleh—secara terbuka. Tetapi hari ini tidak terbuka, ada tempat khusus dan orang yang dipilih itu pula—pilih seorang-seorang dan ada orang PAS itu dibawa pergi, train dia, sampai balik, gilapun ada. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi, kalau kita hendak tegur banyaklah benda boleh ditegur. Walau bagaimanapun, hasrat dan cita-cita saya ingin melihat Kerajaan ini benar-benar mematuhi dan berpegang dengan apa sahaja yang menjadi kebenaran dan kalau benar-benar Kerajaan mahu melihat rakyat ini padu ataupun mendapat sokongan padu daripada semua pihak, jangan salah guna kuasa, lebih-lebih lagi saya mengingatkan, peristiwa Memali tidak usah sibuklah, tidak usah kalutlah. Berilah peluang, jangan sekali setahun, kalau beberapa kali setahunpun, berilah peluang. Kalau ada berlaku sesuatu keburukan yang menyentuh kedudukan Kerajaan, yang bercanggah dengan

Undang-undang Keselamatan Negara, kuasa sudah ada, boleh bertindak. Tetapi jangan surat khabar buat ugutan dan jangan pula *Utusan Melayu* sengaja mengacum, sampai “Bajang” pun tumpang hasut. “Bajang” atau “Long” saya tidak tahulah, dalam surat khabar. Dia cuba hasut. Hari ini bagaimana pula kalau Kelantan ambil tindakan pula, tunjuk perasaan—kes peristiwa dua Wakil Rakyat.

Ada sudah dicubanya, kami tahu belaka. Dengan baju dan bermacam-macam lagi hendak tunjuk perasaan di Kelantan, hendak buat huru-hara. Hendak sambut “Wira”. Apakah kami adakan pilihanraya? Kami buat pilihan? Kami bertanding? Tidakkah semuanya melalui SPR, buat keputusan, isytihar kawasan ini sudah kosong. Adakan tarikh penamaan calon sekian hari bulan. Tarikh mengundi sekian hari bulan. Dan apabila sudah berlaku pemilihan, sudah sah kemenangan yang SPR juga isytihar keputusan, tetapi tidak puas hati—dakwa lagi, bawa ke mahkamah lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ini Butiran mana?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ini misalan. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tadi Yang Berhormat menyentuh Butiran tentang....

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ini misalan. Butiran SPR pun boleh. Tidak ada apa-apa.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tadi Yang Berhormat menyentuh Butiran lain—Pembinaan Semangat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya buat misalan sahaja.

Tuan Pengerusi, saya berbalik kepada masalah keselamatan, masalah Memali. Kalau Kerajaan hendak bertindak dengan peristiwa Memali ini, saya harap Kerajaan Panggil Dato' Musa, panggil Dato' Radzi, panggil Tan Sri Mohamad Amin, bekas Pemangku Ketua Polis Negara, panggil Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Kedah, Sheikh Majid dan Ketua Gerakan, Dato' Yahya Yeop.

Mengapa sudah 6 tahun kes ini masih tidak dibawa ke mahkamah? Mengapa tidak dihadap ke pengadilan? Kalau hendak menyelesaikan masalah, cuba bawa ke muka pengadilan. Report sudah berjalan, kes sudah 6 tahun tetapi mengapa? Senang sahaja, panggil Dato' Musa, panggil Dato' Radzi dan panggil semua sekali sebagai saksi. Buktikan siapa salah. Orang PAS salahkah atau orang UMNO salah. Tidak mahu? Dan mengapa tidak tubuhkan Suruhanjaya Bebas untuk buat siasatan dari mana punca ini. Mengapa tidak berani kalau kita ada kuasa? Kita boleh buat. Hari ini kita hendak tubuh, panggil Hakim kita, polis kita, mahkamah kita, jel kita. Semua "kita"! Sebab itu saya mengingatkan, tolonglah UMNO ini mempelajari sejarah dan jangan mendabik dada dengan kuasa yang ada. Mungkin pada suatu hari kuasa itu akan hilang dan di waktu itu pula bagaimana kalau orang itu melakukan sesuatu tindakan yang bercanggah dengan perasaan kita ataupun bercanggah dengan undang-undang. Sebab itu keadilan ini perlu dan inilah yang menyebabkan kami daripada awal lagi untuk menyelesaikan masalah ini, mestilah balik kepada keadilan ataupun melaksanakan undang-undang Islam. Insyallah akan selesai!

Saya tidak mahu bercakap panjang, hanya itulah sahaja dapat saya sampaikan pada petang ini dan akhir sekali saya mengingatkan kepada Kerajaan sebagaimana maksud satu

Hadis "Takutlah doa orang kena zalim, kerana tidak ada batas antara doa orang kena zalim dengan Allah." Maknanya tidak ada dinding. Kamu ada kuasa, kamu cuba. Kami berdoa! Suatu hari bagaimana kalau Tuhan terima doa orang kena zalim ini, bagaimana? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap.

5.14 ptg.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 23 iaitu B.1, Butiran 010000, Urusan Parlimen.

Sebagaimana yang Tuan Pengerusi sedia maklum, bahawa Parlimen ini merupakan satu lambang kemuncak kuasa rakyat. Sebagaimana yang kita semua maklum bahawa di Parlimen inilah kita mencari kebenaran. Kadang-kadang kita mengeluarkan pendapat-pendapat, tuduhan-tuduhan, tohmahan-tohmanah dengan penuh nafsu. Tetapi akhirnya kebenaran akan timbul dengan kuasa Allah s.w.t.

Jadi, di dalam hal Parlimen ini, saya ingin menekankan bahawa satu usaha untuk mencerminkan bahawa Parlimen ini menjadi lambang kekuasaan rakyat. Saya mencadangkan supaya disemak semula Perlembagaan Negara di dalam hal protokol yang mana kita dapati bahawa di dalam peraturan protokol, Speaker Dewan Rakyat dan President Dewan Negara adalah diletakkan di belakang Lord President. Mungkin protokol ini diwujudkan di atas model Westminster di mana di Wisminster, Speaker of the Upper House adalah orang yang mendapat keutamaan yang lebih tinggi dan ianya diletak di bawah Perdana Menteri. Walaupun model kita yang secara kasarnya adalah pada Westminster tetapi pada pendapat saya substance ataupun isi yang kita isikan di struktur Parlimen kita bukanlah

sama dengan apa yang dibuat di Westminster. Kerana Upper House kita bukanlah dianggotai oleh the Law Lords yang mana Speakernya sendiri adalah menjadi The Lord of the Lords iaitu orang yang paling arif di dalam hal undang-undang. Orang yang kedudukan status sosialnya tinggi dan lain-lain lagi. Dan juga beliau adalah merupakan Lord President ataupun Lord Chancellor of the Exchequer.

Jadi, di sini saya minta di bawah urusan Parlimen yang mana protokol yang melibatkan Speaker Dewan Rakyat, yang melibatkan President Dewan Negara diletak secara appropriate, dengan izin, Tuan Pengerusi, agar ianya mencerminkan kekuasaan rakyat. Sebab saya nampak, misalnya Speaker Dewan Rakyat selalunya berada di pinggir struktur protokol. Tetapi kita mengakukan bahawa Dewan Rakyatlah merupakan Dewan kemuncak kuasa rakyat.

Di sini patut kita menyemak semula sistem ini yang mana di dalam lingkungan protokol kita dapati bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah sebahagian daripada Parlimen. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah kemuncak pada Parlimen ini. Tetapi apabila wujud satu keadaan ceremony yang menampilkan lambang kekuasaan di dalam negara kita, Speaker Dewan Rakyat hanya terletak di pinggir struktur protokol ini. Saya harap perkara ini diambil perhatian dan diadakan semula penyemakan peraturan-peraturan ini.

Yang kedua, di bawah Butiran yang sama, Tuan Pengerusi. Saya ingin juga menekankan betapa pentingnya pihak Negara iaitu pihak Jabatan Perdana Menteri khususnya menitikberatkan mengenai dengan layanan kepada Ahli-ahli Parlimen yang menjadi ahli ataupun yang menjadi orang-orang

yang dipilih oleh rakyat untuk menggubalkan undang-undang untuk menentukan kuasa-kuasa Negara ini dipuncak kekuasaan rakyat di sini.

Misalannya, Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa ramai Ahli-ahli Parlimen tidak diundang kepada upacara-upacara perasmian negara. Kepada upacara-upacara Istana Negara. Hanya Ahli-ahli Parlimen di sekitar Kuala Lumpur sahaja diundang, kemungkinan di bawah rasional bahawa mereka senang datang.

Soalannya di sini, Tuan Pengerusi, bukan soal senang atau susah hendak datang. Kalau saya dari Padang Terap diundang—bukan soal saya boleh atau tidak boleh datang. Saya diundang di atas nama "Ahli Parlimen Malaysia dari Padang Terap" yang mewakili rakyat Malaysia dari Padang Terap. Ini adalah satu penghargaan kepada rakyat. Jadi, kalau kita tengok upacara-upacara di Istana Negara tidak ada langsung Ahli-ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat. Ada pun dua tiga orang. Menteri-menteri itu lain cerita, sebab kedudukan mereka sebagai Menteri. Tetapi Ahli-ahli Parlimen baik dari Pembangkang mahupun daripada parti-parti Kerajaan.

Jadi, di sinilah soal dia boleh datang ataupun tidak, jangan dibangkitkan. Kalau dia tidak boleh datang, dia jawab di bawah "RSVP".

Jadi, dengan adanya penghargaan ataupun kita kata, recognition, dengan izin, maka baharulah Dewan ini dihormati sebagai Dewan yang melambangkan kemercuan kuasa rakyat di bawah sistem demokrasi kita. Kadang-kadang saya tengok di dalam televisyen, di dalam laporan-laporan, tidak ada langsung Ahli-ahli Parlimen yang diundang, baik di dalam peristiwa menyambut Hari Kemerdekaan sehinggalah kepada kenduri kahwin anak Duli Yang Maha Mulia Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. Jadi, saya harap pihak Jabatan Perdana Menteri ataupun pihak Parlimen sendiri yang bertanggungjawab di dalam bidang ini supaya diperbetulkan tentang masalah protokol ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga merujuk kepada mukasurat 25, iaitu mengenai dengan Jabatan Audit Negara yang mana saya harap saya tidak ada 'conflict of interest', jika saya bercakap di sini di atas kedudukan saya sebagai Pengerusi PAC. Apa yang saya dapati bahawa Jabatan ini adalah satu Jabatan yang understaff. Jabatan ini adalah satu Jabatan penting memandangkan bahawa usaha untuk mengaudit kira-kira negara adalah satu usaha yang cukup mustahak. Usaha untuk menentukan bahawa segala urusan kewangan negara itu dijalankan dengan baik, dijalankan dengan betul, dijalankan dengan cekap, jadi kita dapati bahawa walaupun ada peningkatan bilangan Pegawai Audit daripada 143—145 dari tahun sudah hingga tahun ini, tetapi pada pendapat saya selepas berkecimpung dengan Jabatan ini, saya fikir bahawa perlu ditambahkan lagi pegawai-pegawai yang cekap dan juga dinaikkan peningkatan kecekapan pegawai-pegawai yang ada dan juga kemungkinan dinaikkan taraf jawatan-jawatan mereka kepada tahap yang lebih tinggi. Kerana bekerja sebagai Pegawai Audit adalah satu pekerjaan yang 'unpopular' yang tidak dihargai secara seimbang, kerana Pegawai Audit ini adalah orang yang dituduh mencari kesalahan orang.

Sebenarnya tidak, Tuan Pengerusi. Pegawai Audit hanyalah mencari di mana ada kelemahan di dalam pengurusan kewangan negara. Perlu diambil perhatian di dalam bidang ini, untuk kita memastikan bahawa wang negara dibelanjakan dengan lebih sempurna dan lebih cekap.

Perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan ialah di mukasurat 32, iaitu di dalam hal Keselamatan Negara di bawah Jabatan Perdana Menteri, B.7 iaitu Butiran 040000. Di dalam hal ini, perbelanjaan ataupun peruntukan diberi pada tahun 1992 sebanyak \$18.8 juta. Saya harap pihak Majlis Keselamatan Negara yang menentukan pembersihan kawasan-kawasan yang dahulunya dicapkan sebagai kawasan hitam dapat mengarahkan segala jentera Kerajaan mempercepatkan usaha-usaha ini, kerana sehingga kini selepas lebih kurang 2 tahun pihak Parti Komunis Malaya menyerah diri, banyak lagi kawasan-kawasan hitam di sempadan belum lagi diputihkan keseluruhannya, khususnya kawasan saya di Padang Terap yang mana kebanyakan orang-orang di pinggirnya. Padahal orang-orang miskin yang memerlukan tanah. Pada masa ini tanah tidak dapat dibuka lagi dengan alasan bahawa masih banyak lagi periuk-periuk api yang belum di neutralisekan, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Oleh itu saya menyerulah dengan wang yang banyak ini supaya Majlis Keselamatan Negara dapat mempercepatkan dan mempercekapkan lagi usaha-usaha ini demi membangunkan kawasan-kawasan yang memerlukan pembangunan dan khususnya kawasan-kawasan di pinggir ataupun di sempadan dengan negeri Thai iaitu kawasan-kawasan yang boleh dibangunkan ekonominya, bukan sahaja dari segi pembangunan ekonomi pertanian, malah dibuka pintu-pintu masuk dan pintu ke luar e negeri Thai yang lebih banyak supaya berlaku perhubungan ekonomi, perhubungan perdagangan yang lebih menebal di antara kedua-dua wilayah iaitu Wilayah Selatan Thailand dan Wilayah Utara Semenanjung Tanah Melayu.

Tuan Pengerusi, kemungkinan ada sebab-sebab, maka ini tidak mahu dibuka dengan cepat. Saya fikir

sebab-sebab ini adalah lebih kepada pihak negeri Thailand, kerana di sana pada masa ini sedang wujud pemberontakan orang-orang Islam. Janganlah kita, sebagai sebuah negara yang memerlukan pembangunan bukan sahaja di sebelah sini malah di sebelah sana, kita sendiri menggunakan sebab-sebab ini untuk tidak membangunkan. Kalau boleh pihak Kerajaan patut mendesak Kerajaan Thailand supaya dapat kita buka sempadan-sempadan ini guna membangunkan ekonomi orang-orang di kedua-dua belah sempadan yang saya sebutkan tadi iaitu di Sebelah Selatan Thai dan Utara Semenanjung Malaysia.

Mukasurat 32, Tuan Pengerusi, iaitu di bawah Butiran Gagasan Pertumbuhan Kawasan Utara yang mana gagasan ini telah dipercakapakan selepas pengimplementasian 3 segi Johor, Riau dan Singapura. Di dalam buku peruntukan ini, disebutkan di sini Gagasan Pertumbuhan Kawasan Utara dan di Sempang Isis yang diberi peruntukan sebanyak \$750,000. Saya berpendapat ini adalah untuk kegunaan kajian. Sebelum kajian ataupun apa-apa yang patut dibuat, di sini saya ingin mengingatkan pihak Jabatan Perdana Menteri supaya menentukan satu garis panduan ataupun Term of Reference yang jitu yang betul-betul mempunyai satu struktur pembangunan yang boleh memberi manfaat kepada ketiga-tiga Wilayah yang dibuat Gagasan ini iaitu Wilayah Utara ataupun Utara Semenanjung iaitu Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Phuket di sebelah Thailand dan juga di Medah ataupun Utara Sumatera. Apa yang saya maksudkan dengan Term of Reference yang jitu ini, ialah supaya Term of Reference itu menggariskan apakah sektor ekonomi yang akan menjadi teras pembangunan di kawasan ini.

Jangan hanya kita memasukkan semua sektor-sektor sehingga kita tidak dapat melakukannya apabila masa

untuk pelaksanaannya dijalankan. Kawasan mana yang perlu ditubuhkan ataupun dibangunkan. Kalau boleh diadakan persempadanan kawasan. Jangan hanya sebut Langkawi, jangan hanya sebut Pulau Pinang, kerana Langkawi dan Pulau Pinang adalah kawasan yang cukup membangun, yang incremental capital output rasionya sudahpun tinggi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Yang Berhormat diperingatkah bahawa Butiran yang berkenaan itu hanya diberi token vot sahaja—\$10.00. Biasanya kalau token vote sahaja Yang Berhormat tidak boleh membahaskan apa yang diberi dalam token vote.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Saya hanya memberi garis panduan untuk Term of Reference sahaja—untuk kajian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sekarang ini kita di dalam Peringkat Jawatankuasa.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Ya, okay. Kalau begitu saya pergi kepada mukasurat 33 balik, iaitu mengenai dengan Butiran 090000 Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri. Ini diberi vote yang penuh iaitu anggaran tahun 1992 sebanyak \$3.209 juta. Institut ini kita difahamkan sebagai satu institut yang baru, iaitu usaha Kerajaan untuk menghaluskan ataupun, dengan izin, memberi refinement kepada pegawai-pegawai luar negeri kita, kepada diplomat-diplomat kita untuk menjalankan usaha-usaha diplomasinya.

Tuan Pengerusi, tafsiran atau definisi diplomasi pada masa ini bukanlah setakat duta atau pegawai kedutaan itu mewakili sebagai wakil Yang di-Pertuan Agong kepada negara yang diwakilkannya, kerana itu adalah tafsiran tradisional, tafsiran biasa,

tafsiran yang sudah obsolete. Kalau kita masih lagi pegang kepada tafsiran itu mengenai duta ini adalah wakil Yang di-Pertuan Agong, maka kita akan dapat terus tolerate, dengan izin, perlakuan duta-duta yang hanya menghabiskan masa mereka dengan cocktail parties menghadiri receptions dan menghadiri acara-acara rasmi yang diadakan di negara yang berkenaan. Tetapi pada masa ini selain daripada menjadi wakil Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, duta kita juga adalah merupakan penjual (salesman) kemungkinan potensi negara kita di dalam bidang ekonomi, di dalam bidang politik dan juga di dalam bidang budaya. Jadi saya pasti bahawa penubuhan institut ini adalah untuk tujuan melengkapkan duta, bukan sahaja pegawai-pegawai kedutaan, tetapi duta kita di dalam bidang-bidang ini, kebolehan menjual potensi ekonomi negara, kebolehan menjual budaya negara, kebolehan memperkenalkan sistem-sistem sosio budaya dan sosio politik negara. Jadi ini yang penting.

Saya sebut perkara ini, Tuan Pengerusi, kerana masih lagi ada kejadian-kejadian yang menampakkan apa yang saya kata tadi, tafsiran yang awal tadi. Misalannya, di dalam satu perkara yang berlaku di Hari Kemerdekaan Malaysia di satu kedutaan. Apabila rombongan Malaysia yang seramai 60 orang pergi ke kedutaan untuk merayakan Hari Kemerdekaan, hanya diadakan reception. Ahli-ahli rombongan Malaysia yang pergi itu mengharapkan satu acara patriotik, acara menaikkan bendera, acara untuk menyanyi lagu Negaraku diorganisekan oleh duta dan pegawai-pegawai kedutaan, tetapi tidak ada. Pergi reception, minum minuman jus epal, jus oren, tak tahulah ada champagnkah, saya pun tak nampak, habis, balik. Hari Kemerdekaan 31 Ogos, merayakan Hari Nasional kita, tetapi duta tidak sensitif bahawa hari

itu adalah hari penting dan kebanyakan tetamunya datang daripada negara kita sendiri dan tetamu-tetamu lain ialah duta-duta daripada lain-lain negara sahabat. Jadi ini menunjukkan bahawa satu perasaan patriotisma tidak ada kepada orang yang kita mengangkat jadi duta.

Di lain-lain tempat dalam persidangan-persidangan antarabangsa yang bukan dihadiri oleh Menteri Kabinet, tetapi dihadiri oleh Ahli-ahli Parlimen, kebanyakan pertolongan-pertolongan ataupun supportive assistance yang diminta tidak datang. Banyak komplek dibuat di dalam Dewan ini, ramai Ahli-ahli Parlimen bercakap, tetapi masih lagi berlaku. Jadi inilah yang ada pada kita pada hari ini. Saya ingin tahu apakah fungsi institut ini di dalam usaha membetulkan keadaan itu. Adakah di dalam masa dua tahun institut ini ditubuhkan belum lagi dapat Kita menerapkan keilmuan mengenai negara kita, belum lagi dapat tercapai? Saya faham bahawa institut ini ada melatih isteri-isteri duta serta isteri-isteri pegawai-pegawai kedutaan, tetapi apakah ianya berkesan di dalam perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi?

Tuan Pengerusi, mukasurat 35, Butiran 03000 iaitu berkenaan dengan pembangunan Pulau Layang-layang yang diperuntukkan sebanyak \$18 juta. Saya ingin bertanya di sini kepada Kementerian yang berkenaan, iaitu Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan pembangunan di sini. Kita telah baca di dalam *Far Eastern Economic Review* dan akhbar-akhbar luar bahawa negara-negara jiran yang menuntut hak di atas pulau-pulau Sprately telahpun membantah usaha kita membina lapangan terbang ataupun landasan terbang di situ kerana ini dikatakan sebagai mencabuli ataupun sebagai satu usaha agresif oleh negara kita. Apakah tindakan kita pada hari ini mengenai hal itu? Kita hairan apabila kita membina facilities, dengan izin, di atas

Pulau Layang-layang ini, untuk pelancongan, tidak ada bantahan, tetapi apabila kita membina satu landasan kapal terbang, bantahan banyak datang. Apakah ini akan memberi kesan kepada hubungan diplomatik kita dengan negara-negara jiran yang sama-sama menuntut kepulauan Sprately yang ada pada hari ini?

Akhir sekali, mukasurat 38, Tuan Pengerusi, saya ingin lagi menyentuh sedikit mengenai dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, di bawah Butiran 030000 iaitu bertajuk Perjawatan. Rakan saya dari Pasir Mas telah membangkitkan perkara ini hari semalam mengenai dengan tindak ataupun tingkahlaku Ketua Pengarah JPA di dalam peristiwa kecoh berlaku di dalam MARA baru-baru ini.

Saya hairan mengapa Ketua Pengarah JPA membuat komen yang uncalled for, dengan izin, di dalam hal ini kerana kita tahu bahawa apa yang berlaku di dalam pergeseran kecil di dalam MARA adalah satu perkara yang hasil daripada blatant insubordination. Jadi apabila Ketua Pengarah JPA dan juga pegawai-pegawai kanan Kerajaan yang lain menjadikan diri mereka sebagai sasaran akhbar untuk diquote, dengan izin, di dalam akhbar, maka saya fikir ini adalah satu perlakuan yang tidak profesional. Kerana apa yang berlaku dalam MARA, kalau kita siasat betul-betul bahawa ini adalah perlakuan yang bertentangan dengan kehendak JPA kerana apa yang saya sebut tadi sebagai blatant insubordination yang mana pegawai tidak mahu mengikut perintah Majlis dan juga tidak mahu mengikut perintah Menteri. Jadi jikalau Menteri sudah perintah di bawah kuasanya dan ini digunakan oleh pegawai ini untuk mempolitikkan keadaan ini dan Ketua Pengarah JPA sendiri jatuh di dalam perangkap ini, maka ini adalah satu perkara yang sangat membawa kesal kepada orang-orang yang suka kepada

tahap profesionalisma yang tinggi. Apa yang dilakukan ataupun kesilapan mengenai dengan tersentuhnya seorang pegawai di bawah jurisdiction JPA adalah perkara yang kecil dan Ketua Pengarah JPA boleh membetulkannya dengan hanya satu telephone call ataupun dengan sepucuk surat, iaitu Pengerusi MARA tidak berhak melantik Dr Mohd. Nor, seorang Pegawai PTD, sebagai Ketua Pengarah MARA—itu sahaja kesilapan.

Perkara-perkara lain adalah dilakukan di bawah kuasa yang diberi di bawah Akta MARA. Tetapi di dalam hal ini dengan adanya komen daripada Ketua Pengarah JPA, Pengerusi MARA dan Ahli-ahli Majlis MARA digambarkan sebagai orang-orang yang melakukan kesalahan yang besar. Jadi, saya harap bahawa JPA sebagai satu birokrasi yang cukup, cekap dan diketuai oleh orang-orang yang tahu kuasanya dan tahu bidang role ataupun peranannya, supaya perkara ini tidak berlaku lagi yang mana pihaknya tidak melakukan perkara-perkara yang membawa embarrassment kepada Menteri yang berkenaan. Jadi, saya harap perkara sebegini tidak diulang iaitu satu perkara yang mana orang-orang di dalam Kerajaan dipergunakan untuk melaga-lagakan orang-orang yang tidak berdosa.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang untuk menyokong peruntukan di bawah B.1 sehingga B.13 ini dan saya ucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, oleh kerana kita menghadapi kesuntukan masa dan lebih-lebih lagi kita kena ikut jadual masa yang telah ditetapkan, jadi saya terpaksa memberi peluang kepada seorang Yang Berhormat lagi untuk berucap tetapi nampaknya masa untuk berucap kena dihadkan kepada tidak melebihi 30

minit. Selepas itu, Menteri yang berkenaan akan menggulung. Siapa hendak berucap? Kepong.

5.42 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, B.1. Mengenai Butiran 010000—Urusan Parlimen. Saya mengambil kesempatan ini untuk menambah satu dua perkara mengenai Pentadbiran Am di Dewan yang mulia ini.

Yang pertamanya, kerana sistem perkhidmatan di Parlimen adalah sistem yang tertutup (closed system), kerana itulah adalah sistem yang istimewa, saya memperhatikan banyak kakitangan di dalam Dewan ini adalah cekap dan baik dan benar-benar bertanggung-jawab. Walau bagaimanapun, ada setengah-setengah perkara yang saya percaya terpaksalah diperbaiki untuk memastikan segala urusan di Parlimen ini dijalankan dengan lebih baik, lebih cekap dan lebih bermakna.

Yang pertamanya, saya hendak memberi peringatan sekali lagi mengenai keperluan untuk mewujudkan sistem pertanggung-jawapan dan juga sistem akauntabiliti dan answerability di dalam semua urusan Parlimen. Saya tidak mahu bangkitkan contoh-contoh di sini, memadailah suruhan saya untuk mempertingkatkan sistem pertanggungjawapan di dalam semua urusan kewangan, termasuk tuntutan-tuntutan daripada Ahli-ahli, kakitangan dan sebagainya.

Satu perkara lagi kerana sistem ini yang tertutup, maka kita mestilah adakan satu kajian, satu peraturan untuk kakitangan yang cukup masa untuk bersara pada umur 55 tahun. Ada setengah-setengahnya dapat perlanjutan perkhidmatan "on a year-to-year basis" dan ada yang tidak boleh. Jadi, perkara ini mesti menimbulkan

ketidakpuasan. Sebab itulah saya berharap kita dapat mewujudkan satu sistem yang lebih sempurna untuk menyelesaikan masalah ini. Mungkin kita boleh bagi pilihan kepada semua yang cukup umurnya supaya bila cukup umur 55 tahun mereka boleh ada opsyen untuk melanjutkan 5 ataupun 10 tahun lagi di dalam Perkhidmatan Parlimen. Jadi, itulah cadangan saya untuk memperbaiki sistem perkhidmatan di dalam Parlimen.

Tuan Pengerusi, ada satu perkara lagi iaitu mengenai Perpustakaan Parlimen. Saya nampak tiap-tiap tahun peruntukannya lebih kurang \$15,000.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu di bawah Butiran berapa?

Dr Tan Seng Giaw: Ini mengenai B.1—Pentadbiran Am di Parlimen.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Baik.

Dr Tan Seng Giaw: B.1. Ini termasuk Perpustakaan Parlimen. Bagi saya ini tidak cukup, kerana kita mesti mempertingkatkan mutu dan perkhidmatan itu serta juga khazanah buku di dalam Parlimen, termasuk encyclopedia. Kerana satu set encyclopedia untuk undang-undang ataupun encyclopedia yang lain mungkin berharga \$20,000, dan kalau wang diperuntukkan hanya \$15,000 setahun maka kita tidak dapat beli encyclopedia pun. Itulah saya berharap peruntukan bagi Perpustakaan dapat ditambahkan supaya kita boleh meningkatkan mutu dan perkhidmatan Perpustakaan kita.

Tuan Pengerusi, mukasurat 31, B.7, 010000—Pentadbiran. Saya nampak walaupun Hal Ehwal Wanita adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi saya telah cari beberapa kali di dalam Anggaran Belanjawan 1992 itu dan

juga Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1992 tetapi tidak dapatlah laporan mengenai aktiviti Jabatan Hal Ehwal Wanita di JPM. Saya pun merasa hairan juga. Kenapa kita tidak dapat maklumat mengenai hal ehwal wanita, pandangan kaum wanita terhadap isu-isu tertentu dan juga statistik kebangsaan wanita mengenai maklumat pada persatuan-persatuan wanita dan maklum-balas mengenai aktiviti-aktiviti tersebut? Jadi, apakah sebabnya tidak dapat dimuatkan di dalam buku-buku ini? Adakah ini bermakna sistem untuk hal ehwal wanita ini tidak sempurna? Adakah ini bermakna pihak Kerajaan hanya melepaskan "batuk di tangga" sahaja mengenai wanita? Itu saya berharap dapat dijawab dengan baik-baiknya. Ini termasuklah, Tuan Pengerusi, program-program bagi memperbaiki status kaum wanita sambil mengawasi sektor-sektor yang diabaikan sekian lama ini, misalannya, di ladang-ladang dan di sawah-sawah padi. Selain dari itu, apakah syor-syor serta program-program termasuk undang-undang dan peraturan-peraturan tertentu untuk melindungi kepentingan kaum wanita?

Tuan Pengerusi, mungkin kerana tidak ada peraturan yang lebih baik untuk menguruskan hal ehwal wanita ini, satu cadangan daripada saya ialah adakan satu Kementerian khas bagi hal ini.

Sebab itu bukan hendak membincangkan Kementerian Hal Wanita, iaitu Jabatan Perdana Menteri sahaja. Saya tidak dapat melanjutkan perbincangan ini. Walau bagaimanapun, saya berasa sangat kesal mengenai kekurangan maklumat mengenai aktiviti Unit Hal Ehwal Wanita ini.

Tuan Pengerusi, muka surat 33, Butiran 110000 Bahagian Wilayah Persekutuan B.7. Pada tempoh hari ada satu penyemakan semula nilai harta di Wilayah Persekutuan. Memang saya

bersetuju bahawa selepas lebih kurang 10 tahun kita perlulah mengadakan satu penyemakan semula untuk menetapkan nilai harta di Wilayah Persekutuan. Saya percayalah semua rakyat mengalu-alukan usaha untuk menilai semula semua harta di Wilayah ini.

Walaupun bagaimanapun, saya nampak kadar penyemakan semula ini di antara 40% hingga 100%. Ini memang menimbulkan kecoh, menimbulkan ketidakpuasan di kalangan para penduduk di Wilayah Persekutuan. Memang saya nampak juga di Petaling Jaya pun ada satu penyemakan semula nilai harta.

Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad: Saya tidak mahu ganggu dia, tetapi memandangkan kuorum kita tidak cukup. Saya rasa.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, baik. Setiausaha sila hitung.

(Ahli-ahli dikira, kurang 26 Ahli hadir)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila bunyikan loceng. Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Cukup kuorum. Yang Berhormat Kepong teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya sebutkan tadi mengenai penyemakan semula nilai harta di Wilayah Persekutuan itu, di Petaling Jaya pun

ada penyemakan semula yang serupa dan pengumuman ini dibuat dengan serentak. Mungkin itu satu pakatan di antara Petaling Jaya dengan Dewan Bandaraya.

Walau bagaimanapun, kita tidak membantah hendak menyemak semula harta itu secara yang munasabah. Yang menimbulkan masalahnya ialah kadar untuk meningkatkan nilai hartanya, itu sahaja kerana ke atas nilai harta itu cukai pintu dikutip daripada iaitu kira-kira 7% atau 8% daripada nilai harta berkenaan.

Tuan Pengerusi, pihak kami dari kawasan Kepong, kawasan Sungai Besi, kawasan Seputih dan juga kawasan Bukit Bintang, keempat-empat Ahli Parlimen telahpun menulis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyemak semula kadarnya supaya janganlah sampai 100% ke atas harta-harta di Wilayah ini. Saya berharap Yang Amat Berhormat dapat mengambil perhatian dan menyahut seruan rakyat di Wilayah ini.

Walau bagaimanapun, menaikkan nilai harta dan juga cukai pintu itu satu perkara biasa. Kita berharap dengan kenaikan harta itu, nilai dan cukai pintu ini, perkhidmatan bandar dapat dipertingkatkan dengan kadar yang sama mungkin 40% mungkin 100% diperbaiki. Ini termasuklah penyelenggaraan jalan-jalan, longkang-longkang, sampah sarap, banjir kilat, saluran, pembetulan di merata-rata tempat termasuk di Bukit Bintang dan di Kepong pungutan sampah sarap pun tidak sampai ke tahap yang memuaskan. Itulah yang diharapkan oleh pihak para penduduk di Wilayah Persekutuan semasa mereka itu menerima notis mengenai kenaikan nilai hartanya.

Tuan Pengerusi, di sini oleh kerana tidak ada masa, saya akan melanjutkan kepada perkara yang lain. Sebenarnya

saya ada banyak nota di sini yang mungkin mengambil lebih satu jam. Walau bagaimanapun, Butiran 020000 Unit Perancang Ekonomi yang merangkumi banyak aktiviti termasuk Aktiviti Ekonomi Mikro. Di sini saya hendak menyeru kepada pihak EPU supaya menggariskan garis panduan mengenai EAEC (East Asia Economic Caucus) selain dari Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Pengerusi, memang rakyat Malaysia hendak memahami apakah konsep EAEC ini. Apakah konsep EAEC? Kalau konsep ini ialah untuk mengadakan perundingan kumpulan negara-negara Asia Timur untuk memperbincangkan segala masalah ekonomi terutamanya semasa ada blok EEC (European Economic Community) dan juga satu blok dengan Amerika Utara. Memang kita hendak mengambil perhatian yang amat serius mengenai kewujudan blok-blok di Eropah dan juga di Amerika Utara.

Dan mengadakan satu forum, satu caucus untuk memperbincangkan hal-hal mengenai perlindungan ekonomi dan sebagainya, itu satu cara yang baik, itu bukan yang salah. Walau bagaimanapun, memandangkan pihak negara-negara seperti Amerika Syarikat yang menentang konsep EAEC ini, itulah yang menimbulkan masalah sehingga pihak Indonesia pun nampaknya tidak begitu berminat.

Saya tidak nampak ada pengumuman daripada Indonesia ataupun Thailand mengenai EAEC, tidak nampak sangat, cuma daripada Joint Communique ASEAN Economic Ministers, itu sahaja satu perenggan mengenai EAEC kerana melalui itulah saya berharap pihak EPU dapat menggariskan, dapat memberi bayangan yang betul kepada rakyat apakah sebenarnya EAEC, apakah ertinya, mengapa pihak Amerika Syarikat hendak menentang EAEC. Apakah akan terjadi dengan adanya

North American Free Trade Area (NAFTA)? Apakah akan terjadi pada tahun 1992 dengan adanya perluasan European Economic Community? Pihak rakyat Malaysia pun mesti tahu apakah erti yang sebenarnya EAEC, kerana ini satu isu yang penting.

Tuan Pengerusi, mengenai aktiviti penswastaaan, diperhatikan dalam mukasurat 38 dan 39, Kertas Perintah 19 Tahun 1991, aktiviti ini tidak merekodkan apa-apa anggaran bagi perlaksanaan projek mahupun menimbang projek-projek bagi penswastaaan dalam tahun 1992. Saya tidak tahu apakah sebabnya, saya harap pihak Jabatan Perdana Menteri dapat menjawab soalan ini. Bukankah Kerajaan pernah mengatakan bahawa senarai agensi Kerajaan yang akan disusun semula atau diswastakan akan selalu dikaji semula. Maka, mengapakah tidak ada aktiviti direkodkan untuk menunjukkan kajian semula. Adakah Kerajaan tidak bercadang menjalankan penilaian semula pada tahun 1992, maka senarai asal agensi-agensi yang akan diswastakan atau disusun semula tidak berubah. Bagaimana pula dengan senarai bagi tahun-tahun berikutnya, iaitu tahun 1993 dan 1994? Menjelang akhir tahun semasa, apakah bilangan agensi Kerajaan yang sudah diswastakan? Apakah pula bilangan yang telah disusun semula sebagai persediaan untuk penswastaaan? Menjelang akhir tahun 1992, apakah bilangan agensi Kerajaan yang akan diswastakan? Apakah bilangan yang akan disusun semula?

Tuan Pengerusi, saya bangkitkan hal ini untuk memberi peringatan kepada Jabatan Perdana Menteri bahawa pihak rakyat dan pihak kami adalah sentiasa berwaspada mengenai apa yang berlaku dengan aktiviti penswastaaan.

Tuan Pengerusi, Butiran 030000 Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Buat pertama kali dalam Belanjawan tahun

1992, Butiran ini tidak dibahagikan kepada dua, iaitu program pentadbiran dan program pusat khidmat kontraktor. Apakah ini bermakna kedua-dua program telah digabungkan? Perkara lain yang lebih mustahak lagi ialah angka yang ditunjukkan itu satu angka yang tidak dapat diterima dengan begitu sahaja.

Anggaran bagi tahun 1991 adalah \$159.116 juta, tetapi hanya pada akhir Oktober ini tambahan perbelanjaan mengurus diminta, iaitu tambahan sebanyak \$40 juta untuk Butiran ini, maka angka yang sebenarnya perbelanjaan kod di bawah Butiran ini adalah \$199.116 juta bagi tahun semasa. Kalaulah ditinjau tahun yang lepas, perbelanjaan sebenar kod 40000 di bawah Butiran adalah \$262.17 juta dan bukan \$197.6 juta.

Pada tahun 1989 pula, tambahan perbelanjaan \$82.9 juta diperuntukkan dalam tambahan kedua perbelanjaan mengurus tahun berkenaan menjadikan perbelanjaan sebenarnya \$222.894 juta. Oleh itu, manalah wang \$170.6 juta itu akan mencukupi untuk perbelanjaan tahun 1992? Sudah tentunya Kerajaan akan meminta tambahan bekalan pada tahun akan datang untuk butiran ini. Beginilah caranya Kerajaan yang tidak begitu bertanggungjawab menyembunyikan perbelanjaan untuk mengecutkan Belanjawan tahunan. Sekurang-kurangnya Kerajaan harus memberi penerangan atau laporan prestasi unit di bawah perbelanjaan ini dalam Kertas Perintah 19 Tahun 1991. Itu pun tidak berdaya dibuat oleh Kerajaan. Mengapakah perkara ini berlaku? Apakah ia begitu susah sekali untuk memberitahu Dewan yang mulia ini cara perbelanjaan digunakan di bawah Butiran ini?

Jika ia tidak mungkin memberi penjelasan terperinci semasa tambahan perbekalan diminta, takkanlah ia mustahil juga untuk melaporkan prestasi aktiviti dalam Belanjawan atau

lebih tepat lagi dalam Kertas Perintah 19 Tahun 1991. Keengganan JPM memberi maklumat perbelanjaan yang lebih terperinci membuat kami sangsi terhadap cara peruntukan digunakan di bawah kod dalam Butiran ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 110000, menurut Kertas Perintah 19 Tahun 1991, mukasurat 51 di bawah aktiviti bahagian kemajuan Wilayah Persekutuan yang termasuk perancangan, penyelarasan dan pengesanan projek-projek sosio-ekonomi dan pembangunan fizikal demi membantu pembangunan di Kuala Lumpur. Ada tiga aspek yang ingin kami sentuh di bawah Butiran ini iaitu pembangunan fizikal berbentuk infrastruktur dan kemudahan awam termasuk jalan-jalanraya dan sistem perparitan dan saluran serta pelan jangka panjang dan jangka pendek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menjadikan bandaraya, dengan izin, Tuan Pengerusi, enviromentally sound.

Diperhatikan bahawa kajian DBKL sendiri menjangka terdapat lebih 500,000 unit kenderaan di atas jalanraya Kuala Lumpur pada satu-satu masa. Menjelang tahun 2000, bilangan ini dijangka meningkat ke 1.4 juta unit dan pada tahun 2005, kira-kira 2 juta. Selain projek metro-link, cadangan DBKL supaya sistem area pricing, dengan izin, dipraktis telah ditolak oleh Kementerian Kerja Raya. Setahun dua yang lepas kami sudah pun menyeru kepada Kerajaan supaya menimbangkan sistem yang sama. Ini juga telah ditolak oleh Kerajaan.

Pada 20hb November tahun ini, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengumumkan bahawa sebuah pasukan pakar perunding British akan mengkaji masalah kesesakan lalu-lintas di bandaraya kononnya secara percuma. Bolehkah Kerajaan menerangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai

kajian serta latar belakang kumpulan pakar perunding British ini? Konsep British adalah time zone, dengan izin, iaitu sama seperti sistem area pricing. Ssistem time zone ini masih di peringkat percubaan, experimental. Di bawah konsep time zone, transmeter dipasang di tempat-tempat strategik untuk.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa itu agak terkeluar daripada bidangkuasa Wilayah Persekutuan.

Dr Tan Seng Giaw: Bukan terkeluar. Ini memang di bawah Bahagian Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung ya.

Dr Tan Seng Giaw: Saya akan gulungkan. Tuan Pengerusi, oleh kerana peruntukan diminta di bawah ini lebih \$1 juta, maka kita berharap mengenai beberapa perkara yang telah saya bangkitkan di sini termasuk sistem pengangkutan awam, apakah yang disebutkan Metro Link, Aerobuss dan Mass Rail Transit (MRL), Mass Rapid Transit (MRT) dan sebagainya. Ini dalam tempoh lebih kurang 10 tahun ini sudah banyak kali cadangan dan pengumuman dibuat oleh pihak DBKL untuk memperbaiki sistem pengangkutan awam ini, tetapi satu demi satu hilang lenyap sahaja, tidak dapat dilaksanakan. Aerobus dibatalkan kerana faktor politik dan Metro Link juga, saya tidak tahulah mungkin akan dibatalkan lagi, dan Mass Rapid Transit pun mungkin akan dibatalkan juga, tidak tahulah apa telah terjadi dengan DBKL dan Jabatan Perdana Menteri....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat masa sudah cukup.

Dr Tan Seng Giaw: Cukuplah. Saya berharaplah keadaan sedemikian di dalam satu dekad ini tidak dapat dipastikan apakah sistem akan digunakan di dalam Bandaraya yang dibanggakan ini, dapat diperbaiki, dan diubahkan sikap.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, cukuplah.

Dr Tan Seng Giaw:sikap yang tidak sihat itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, sila gulung.

6.11 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Haji Abdul Hamid bin Haji Othman): Tuan Pengerusi, saya bahagikan jawapan kepada dua, bahagian pertama dijawab oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat dari Pendang, kerana semalam telah dijanjikan oleh Yang di-Pertua bahawa dia boleh menjawab isu yang dibangkitkan terhadapnya, dengan keizinan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Baik.

6.12 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana dapat menjelaskan sedikit-sebanyak walaupun Ketua Pembangkang dan rakan-rakannya tidak ada dalam Dewan Rakyat yang mulia ini, hanya tinggal Kepong yang menjadi wakil tunggal mereka. Harapan saya bahawa Kepong akan dapat menjelaskan kepada Ketuanya yang tidak bertanggungjawab menyerang peribadi saya, selama dua sesi sidang yang lalu dan sekarang ini.

Saya amat faham bahawa serangan-serangan ini adalah bertujuan untuk menyekat saya daripada menyerang pemimpin-pemimpin DAP yang mempunyai pandangan yang biadap terhadap Kerajaan Barisan Nasional.

Saya hendak menyatakan bahawa serangan-serangan ini tidak akan melemahkan, tidak akan melunturkan perasaan saya untuk terus menyerang sikap biadap pemimpin DAP terutamanya Ketua Pembangkang.

Saya hendak menjelaskan bahawa telah 8 tahun saya berhadapan dengan mereka ini, jadi saya hendak mengingatkan Ahli-ahli DAP yang hanya menjadi Wakil dalam tahun 1990 tidak payahlah menunjukkan sikap mereka yang angkuh, sombong dan biadap di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya memang telah tidak mengganggu ucapan-ucapan Ketua Pembangkang dan Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli Parlimen DAP yang lain selama 2 sesi, penggal yang lalu dan penggal ini, bukan bermakna bahawa saya takut dengan dakwaan mereka bahawa penglibatan saya dalam Syarikat Kurnia Damai Sdn. Bhd, tetapi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Arau bahawa mutu perbincangan Ketua Pembangkang, mutu perbincangan Ahli-ahli Parlimen DAP telah jauh merosot daripada dahulu, hanya lagu-lagu lama yang didendangkan. Mereka membangkitkan soal penyelewengan, rasuah, ketidakadilan, kezaliman dan tidak adanya keadilan sosial dalam negara kita. Tetapi apabila kita minta bukti, bukti penyelewengan, bukti rasuah, mereka tidak dapat menyelesaikan kepada kita. Mereka tidak dapat memberikan kepada kita tetapi mereka mengatakan soal tidak ada keadilan, tidak ada demokrasi.

Saya telah menyarankan dahulu di dalam Dewan Rakyat yang mulia ini, kalau sekiranya anggota-anggota DAP merasakan negeri kita tidak ada demokrasi, tidak ada keadilan, mereka boleh pilih mana-mana negara dalam dunia ini, yang ada demokrasi yang boleh mereka amalkan, yang adil, seadil-adilnya, yang bebas, sebeb-bebasnya. Maka mereka boleh membuat pilihan sama ada mahu tinggal di sini ataupun berpindah ke negeri yang mereka suka. Biarlah kami rakyat Malaysia yang cintakan negara, cintakan pemerintah tinggal bersama-sama di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya hendak mencabar mereka sekali lagi supaya dapat mencari, memilih mana-mana negara yang mereka suka supaya mereka dapat membuat penilaian sendiri kepada mereka.

Saya hendak menyebutkan sekali lagi kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan memang tepat bahawa bila terdapat sebutan mengenai adanya bumiputera Melayu kaya, maka berasaplah hati pemimpin-pemimpin DAP, bahkan mereka tidak suka, tidak bersetuju melihat Melayu yang jadi kaya. Dahulu kita pernah mendengar soal bekas Menteri Kewangan Yang Berhormat dari Merbok, soal Dr Halim Saad, soal Tan Sri Bashir dibangkitkan di dalam Dewan Rakyat ini kerana individu-individu ini kaya dan mereka itu bumiputera, dengan sebab itu mereka tidak senang hati dengan kekayaan orang Melayu.

Tuan Pengerusi, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, ahli-ahli UMNO, pemimpin UMNO, kita tidak pernah menyarankan kepada orang Melayu untuk membilang berapa ribu, berapa puluh ribu rakan-rakan bukan Melayu yang menjadi jutawan, yang menjadi billionaire. Saya yakin kalau soal ini kita perbincangkan, kalau orang Melayu mula membilang jutawan-

jutawan bukan Melayu, berapa banyak kepunyaan kekuasaan ekonomi mereka, berapa banyak gedung-gedung peniagaan mereka, sudah pasti akan rosaklah negara ini. Sebab itupara pemimpin UMNO, rakan-rakan dalam Barisan Nasional, kami orang Melayu menasihatkan orang-orang Melayu, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad pemimpin UMNO, Perdana Menteri menasihatkan orang-orang Melayu berusaha bersungguh-sungguh supaya setanding dengan orang-orang bukan Melayu. Kami tidak mengapi-apikan perasaan Melayu sepertimana yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin DAP, mengapi-apikan perasaan supaya benci kepada Melayu, supaya marah kepada orang Melayu. Apa sedikit kelebihan yang terdapat pada orang Melayu, maka inilah yang menjadikan soal kepada mereka, dibicarakan dengan begitu hebat sehingga naik benci orang-orang Cina yang menyokong DAP terhadap orang Melayu. Kalau inilah perasaannya, kalau inilah kedudukannya para pemimpin DAP, saya yakin kalau mereka memerintah negara dan harapannya tidak, maka akan hancur negara ini.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Ipoh bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Ya, silakan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan. DAP bukan hanya menghentam orang-orang kaya bagi golongan orang Melayu sahaja, siapa yang salah, siapa yang tidak mengikut undang-undang, siapa yang tidak.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat bangun hendak beri penjelasan atau hendak minta penjelasan?

Tuan Lau Dak Kee: Bukan penjelasan, tetapi hendak beri sedikit latar belakang dahulu....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Kea): Tidak, kecuali kalau Yang Berhormat hendak bangkitkan sesuatu, hendak minta penjelasan itu dibenarkan, tetapi kalau hendak beri penjelasan....

Tuan Lau Dak Kee: Adakah benar, saya hendak sebut di sini.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila soal.

Tuan Lau Dak Kee: Adakah benar bahawa DAP hanya menghentam jutawan-jutawan Melayu sahaja ataupun DAP telah menghentam jutawan-jutawan seperti Tan Koon Swan yang telah membuat tipuan begitu banyak, wang rakyat jelata orang Cina kena tipu berjuta-juta ringgit. Kita hentam di Dewan ini juga dan kita hentam orang-orang yang tidak mengikut undang-undang.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Lau Dak Kee: Ya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat tetap hendak buat penjasankah atau hendak sebutkan.....

Tuan Lau Dak Kee: Saya tidak hendak buat penjelasan, tetapi saya hendak tahu mengapa Yang Berhormat itu mengapi-apikan di Dewan ini mengatakan DAP membenci jutawan orang Melayu sahaja, tetapi di sini telah melanggar tata tertib yang diamalkan oleh Barisan Nasional dan juga dengan Standing Order Dewan ini, ini mengapi-apikan antara satu kaum dengan satu kaum yang lain.

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Lau Dak Kee: Saya rasa patutlah Yang Berhormat, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat diperingatkan..... ya, nanti dahulu.

Tuan Othman bin Abdul: Tidak payahlah!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kalaulah Yang Berhormat....

Tuan Othman bin Abdul: Low standard, duduklah!

Tuan Lau Dak Kee: Bukan low standard, you.....(*Disampuk*)

Seorang Ahli: Duduklah!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat diperingatkan sekali lagi, kalau hendak tanya sesuatu tanyalah, tetapi janganlah berhujah-hujah di sini dan kalaulah hendak bangkitkan point or order, silakan.

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah, tak payahlah, tidak faham peraturan Dewan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa itu ulasan yang tidak baik, tidak patut. Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Saya setuju.

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya hendak menjelaskan sekali lagi pendirian saya.....

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Othman bin Abdul: Tidak payahlah, tunggu dahulu, sekejap lagi saya beri. Saya hendak tunggu yang di belakang itu! (*Ketawa*) Duduk!

Tuan Lau Dak Kee: (*Diganggu*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, kalau dia tidak beri, sila duduk ya.

Tuan Othman bin Abdul: Sabar, sekejap lagi saya beri.

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Ipoh, kalau dia tidak beri jalan, sila duduk!

Tuan Lau Dak Kee: Mana adil, apa ini?

Tuan Othman bin Abdul: Samalah dengan Ketua Pembangkang, bila saya minta jalan, tidak diberi. Cuba tengok contoh Ketua Pembangkang, bagus atau tidak? Baik atau tidak?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, balik kepada jawapan.

Tuan Othman bin Abdul: Okay. Semua rakan-rakan saya dalam UMNO, orang Melayu yang berjiwa Melayu—saya tidak tahu akan orang yang tidak ada jiwa Melayu memang merasai bahawa perbuatan DAP adalah hanya bertujuan untuk merendah-rendahkan, mencaci, menghimpit orang Melayu. Saya hendak memberi amaran bahawa kesabaran kami terhad, kesabaran

orang Melayu terhad, kesabaran pemimpin-pemimpin UMNO terhad. Dengan sebab itu, saya menyatakan sekali lagi kerana memang jelas nama-nama tertentu disebutkan, kerana dengan jelas disebutkan dari mana datang wang, sudah pasti ini menyeleweng, rasuah, salahguna kuasa, itulah bahasa Ketua Pembangkang, bahasa DAP, bahasa pemimpin-pemimpin DAP. Saya hendak sebut malpractice bahasa—dia duduk di belakang itu—malpractice bahasa. Dengan itu, mereka menyanggah semua pendapat. Para pemimpin MCA pun dikritik, dihentam hebat, yang moderate pandangannya bahawa pemimpin MCA tidak berjuang untuk bangsa Cina. Itu bahasa DAP. Pada hal ini pemimpin yang bertanggungjawab terhadap seluruh rakyat negara ini.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Dia hendak apa pula. Duduk dahulu, nanti.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan, dia tidak beri.

Tuan Othman bin Abdul: Sekejap lagi saya beri. Saya hendak beri seorang sahaja lagi yang bertanggungjawab. Tuan Pengerusi, saya tidak menyanggah Ketua Pembangkang semasa dia bangun membentangkan perkara ini dua kali, kerana saya hendak menentukan kedudukan yang benar-benar perkara atau isu yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, oleh Ahli-ahli Parlimen dari Kota Melaka dan juga Bukit Bintang dalam suratnya yang disebarkan luas termasuk dalam akhbar-akhbar Cina dan akhbar *Watan*, sebuah akhbar Melayu. Saya cuma hendak ingatkan *Watan* ini, hendak menasihatkan *Watan* satu sahaja

dengan satu firman Tuhan, yang bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu siyasat terlebih dahulu sesuatu berita yang dibawa oleh orang-orang fasiq. Nasihat saya pada *Watan* kalau dia pandailah, kalau dia faham, kalau dia tidak faham, tanya pada orang PAS yang ada di sini, senang.

Saya hendak jelaskan bahawa saya mengakui saya tidak menolak catatan-catatan daripada ROC menunjukkan pegangan saya dalam Syarikat Kurnia Damai Sdn. Bhd. \$3 juta satu syer, syer kosong yang diberikan kepada saya. Tak satu sen pun saya jelaskan. Saya hendak tunjukkan ini kira-kira Kurnia Damai Sdn. Bhd. ini untuk pandangan Ahli dari Bukit Bintang. Ini dia, datang tengok duit ada \$200,000, mana ada \$3 juta? Saya hendak mencabar Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Kota Melaka dan Ketua Pembangkang, sila buat laporan kepada BPR secepat mungkin bagi membolehkan saya disiasat dan saya redha letak jawatan kalau sekiranya saya ada salahguna kuasa, penyelewengan, rasuah \$10.00. (*Tepuk*) Kalau \$10.00 saya ada penyelewengan, rasuah dan salahguna kuasa, saya rela letak jawatan dengan satu syarat.....

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat nanti dahulu, Bukit Bintang bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Bagi saya habis ayat ini, saya beri. Dengan syarat kalau sekiranya terbukti bahawa saya tidak ada penyelewengan, salahguna rasuah

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kedua-dua Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Othman bin Abdul: dengan syarat Ahli-ahli Parlimen terutama Ketua Pembangkang, Kota Melaka, Bukit Bintang harus meletakkan jawatan mereka masing-masing (*Tepuk*), kalau saya tidak terbukti disalahkan oleh pihak BPR. Saya mengakui dalam Dewan ini memang saya menjadi Pengarah dalam Dewan ini.

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Othman bin Abdul: Duduk dahulu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu! Kedua-dua Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan juga dari Ipoh, sila duduk, tertib dan bertenang. Duduk dahulu, Yang Berhormat!

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk sebelum saya gunakan kuasa yang diberi di bawah Peraturan Mesyuarat.

Tuan Othman bin Abdul: Ada sakitkah, ada sakitkah? (*Disampuk*) Sakit hatilah itu. (*Ketawa*) Kalau bantai orang tidak sakit. Saya hendak mengulangi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, Yang Berhormat. Mengikut Peraturan Mesyuarat 44(1), Yang Berhormat dari Ipoh di-bertentikan bercakap dan janganlah bertindak secara tidak senonoh. (*Disampuk*)

Tuan Lau Dak Kee: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila duduk dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak mengulangi cabaran saya sekali lagi. Kalau sekiranya saya ada penyelewengan, menyalahguna kuasa jawatan saya, rasuah \$10.00

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Ahli dari Bukit Bintang bangun.

Tuan Othman bin Abdul:saya rela meletak jawatan saya dengan satu syarat kalau BPR menyiasat dan memutuskan bahawa saya tidak bersalah, Ketua Pembangkang letak jawatan.....

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.....

Tuan Othman bin Abdul: Nanti dahulu!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, sila duduk!

Tuan Othman bin Abdul:Ahli Parlimen Kota Melaka letak jawatan dan juga Bukit Bintang letak jawatan. Saya bukan Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang kata pepatah Melayu 'lidah biawak'. (*Tepuk*) Dia kata kalau gagal Tanjung Dua, dia hendak letak jawatan, kalau Prai kalah, dia hendak letak jawatan. Tidak letak jawatan juga. Mana ada maruah Ketua Pembangkang? Mana ada maruah DAP? Mana ada maruah DAP? Jawab.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Kalah lagi di Sarawak, kosong, zero.

Dr Tan Seng Giaw: On a point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu! Sebutkan nombor Tatatertib, Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Tatatertib Mesyuarat 36(6). (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu, bertenang. Ya, 36(6).

Dr Tan Seng Giaw: Ya, seseorang itu tidak boleh mengeluarkan perkataan sangkaan jahat.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Dr Tan Seng Giaw: Jadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu tidak benar, cuma kita bangkitkan apa yang tercatat di dalam laporan.... (*Disampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan berhujah. Saya akan buat keputusan. Saya hendak nasihatkan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen balik pada tajuk, teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: Lidah biawak itu pepatah Melayu mengatakan orang bercakap berbelit-belit, berbohong-bohong. Tidak ada apa-apa hal. Kalau tidak erti bahasa Melayu, tolong mengaji pada kami. Pegawai-pegawai kita banyak, belajar bahasa Melayu lagi dan kursus bahasa Melayu.

Tuan Pengerusi, tadi saya dengar Kepong kata dia bergantung kepada fakta, saya setuju. Tetapi Ahli Parlimen dari Bukit Bintang dalam suratnya kata

malpractice dan saya dituduh oleh Ketua Pembangkang. Sebab itu saya sanggup terima cabaran. Saya sanggup terima cabaran sekarang, kalau mahu.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Othman bin Abdul: Hendak bangun? Sila.

Tuan Wee Choo Keong: Itulah bagus. Kenapa takut tadi? Janganlah cakap banyak soal DAP kalah di sana sini. Di Kelantan Barisan Nasional digulingkan dengan kosong di dalam Dewan Undangan Negeri.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Minta penjelasan sahaja. Sila.

Tuan Wee Choo Keong: Ini penjelasan saya kepada Setiausaha Parlimen. Di dalam catatan dalam ROC, Pendaftar Syarikat sudah menunjukkan dengan terus-terang bahawa Ahli Parlimen dari Pendang ada memiliki \$3 juta syer (saham) dalam syarikat Kurnia Damai Sdn. Bhd itu dan juga salah seorang Lembaga Pengarah. Kenapa atau bagaimana seorang Setiausaha Parlimen boleh menafikan fakta ini dan siapa yang baik dalam dunia ini memberikan saham yang kosong kepada Yang Berhormat dari Pendang?

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti dahulu! Biar dia terus dan habiskan.

Tuan Wee Choo Keong: Siapa yang boleh berikan saham yang kosong dengan tidak perlu bayar wang? Kalau hendak cabar, saya boleh ulangi lagi di luar Dewan ini. Jangan takut, saya akan ulangi fakta ini.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): (*Menyampuk*)

Tuan Wee Choo Keong: Awak diam, bukan awak punya fasal, saya minta penjelasan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Othman bin Abdul: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Setiausaha Parlimen, sekiranya sudah beri jalan.....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tertib, Yang Berhormat Timbalan Menteri, tertib dan bertenang. Teruskan, Bukit Bintang.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri yang bersikap begitu, yang tidak berparlimen.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, balik kepada apa yang hendak ditanya itu.

Tuan Wee Choo Keong: Tolong beri penjelasan yang terang bahawa bagaimana boleh memiliki \$3 juta syer. Yang itu kita hendak tahu. Dari mana wang itu datang? Kalau tidak benar, kenapa ada catitan di dalam Pendaftar Syarikat? Bukannya kita bohong atau apa. Itu bukan dicipta oleh DAP atau sesiapa.

Tuan Othman bin Abdul: I will reply. Sit down first!

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sabar.

Tuan Wee Choo Keong: Itu yang kita hendak tahu, jangan pergi ke lain. Itu kita tidak payah belajar apa-apa, dia sendiri sebagai seorang Melayu tidak ada adat orang Melayu. Itu yang saya rasa.....

Tuan Othman bin Abdul: Biadablah, kurang ajar.

Tuan Wee Choo Keong: biadab.

Tuan Lau Dak Kee: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah suntuk dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta sambung esok. (*Disampuk*)

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.